

BAB


2

BANDAR DAN PEMBANDARAN

2.1 Pengenalan

Capra (1982) menyatakan maksud bandar atau kota yang pertama ialah seperti mana yang terdapat dalam sistem "hieroglyphics", iaitu satu sistem tulisan lambang, yang terdapat pada piramid tamaddun Mesir kuno. Dalam sistem ini, bandar dilambangkan sebagai lingkaran dengan mempunyai palang bergaris di dalamnya. Simbol ini disebut sebagai "niut". Manakala palang bergaris pula difahamkan sebagai persimpangan jalan atau pertemuan pendapat. Sementara itu, lingkarannya difahamkan sebagai tembok atau pagar atau bentengnya. Ini bererti sesuatu yang padat dan terkumpul di satu tempat (dipetik daripada Azizan Hj.Baharuddin, 1994). Berdasarkan apa yang dijelaskan oleh Capra ini maka iaanya dapat digambarkan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambarajah 2.1.

Gambarajah 2.1 : Gambarajah Bandar Pada Simbol “Niut” Dalam Sistem “Hiergliphics” Tamaddun Mesir Kuno.



Sumber : Azizan Hj Baharuddin (1994). **Hijrah Tahun 2000 : Ke Arah Pembandaran Yang Berimej Harmoni Mengikut Perspektif Holistik, DBKL, hlm.3.**

Manusia melakukan berbagai-bagai kegiatan dalam pusingan hidup di muka bumi ini. Hamirdin Ithnin (1989) membahagikan kegiatan manusia kepada dua jenis. Iaitu kegiatan untuk hidup atau "survival" dan kegiatan untuk "keselesaan hidup". Kegiatan untuk "survival" sebenarnya telah lama dilakukan oleh manusia di muka bumi ini. "Survival" di sini, bermaksud penerusan hidup serta keperluan manusia kepada makanan, tempat tinggal dan pakaian, yang merupakan satu keperluan asas manusia. Setelah manusia memenuhi keperluan asasnya, maka timbulah keperluan-keperluan lain untuk menambah kesempurnaan keperluan asas ini tadi. Maka, manusia melakukan pula kegiatan-kegiatan tambahan.

Kegiatan-kegiatan tambahan yang dilakukan manusia seperti pertanian yang bukan lagi dilakukan untuk memenuhi keperluan asas, tetapi untuk menambahkan pendapatan. Selain daripada itu, manusia juga mengeluarkan hasil mahsul dari perut bumi melalui kegiatan melombong. Apabila keupayaan teknologi manusia meningkat, maka kegiatan seperti ini menjadi semakin sofistikated dan lama kelamaan terbentuk kegiatan perindustrian. Dengan ini, wujud pula tempat-tempat industri di merata lokasi di muka bumi ini. Kesemua kegiatan ini merupakan kegiatan tambahan, dalam usaha manusia mendapatkan kehidupan yang lebih sempurna dan juga memenuhi keperluan-keperluan tambahan yang meningkat dengan bertambahnya jumlah penduduk (Hamirdin Ithnin, 1989: 93-94).

Dalam pada itu, kegiatan-kegiatan untuk mendapatkan keselesaan hidup, memerlukan manusia hidup secara berkelompok. Petempatan mereka terpaksa dibina berhampiran di antara satu dengan yang lain. Dengan adanya petempatan yang berkelompok ini, maka beberapa perkara dapat diatasi. Oleh kerana ramai orang yang tinggal secara berkelompok, maka petempatan tersebut membentuk kampung. Pertambahan penduduk di sini menyebabkan petempatan seperti ini menjadi bertambah besar, lalu membentuk pekan kecil, pekan dan kemudiannya bandar. Apabila pertumbuhan bandar-bandar seperti ini terus menerus berlaku, maka ia akan mewujudkan kawasan petempatan yang sangat luas dan dikenali sebagai bandar raya, metropolis dan megalopolis. Manakala proses yang melibatkan sesebuah petempatan itu menjadi bandar ialah urbanisasi (Hamirdin Ithnin, 1989:94).

Bandar telah wujud pada zaman sebelum Masihi lagi. Boleh dikatakan bahawa pengkhususan dan kepelbagaian kegiatan ekonomi, pemusatan tempat tinggal di sesuatu kawasan dengan wujudnya organisasi masyarakat yang berbeza daripada masyarakat pertanian, telah mengasaskan kewujudan bandar. Secara tradisional, bandar berfungsi sebagai pusat perniagaan, pentadbiran dan ketenteraan, tetapi ia tidak menjalankan peranan industri (Foster-Carter, 1985).

Dalam bab ini, pengkaji akan membincang dan memaparkan konsep bandar dan pembandaran, serta kaitannya dengan pembangunan ekonomi bandar sektor informal yang selama ini kurang diberi penekanan oleh para penyelidik. Sebagaimana yang diakui umum, bahawa pembandaran di Dunia Ketiga agak berlainan dengan pembandaran di Barat. Dimensi proses pembandaran di Dunia Ketiga telah mengubah corak pekerjaan, daripada sektor pertanian kepada sektor perkhidmatan. Manakala dalam klasifikasi pekerjaan bandar, sektor perkhidmatan pula rata-rata terdiri dari kegiatan sektor informal. Oleh yang demikian, penekanan akan diberi terhadap proses pembandaran yang dialami oleh negara Dunia Ketiga dan hubungannya dengan peluang-peluang pekerjaan yang wujud di bandar, di samping masalah dan cabaran yang dihadapi oleh penghuni bandar yang terdiri daripada berbagai-bagai kelompok masyarakat yang berbeza dari segi status ekonomi dan sosial.

2.2 Bandar Dan Pembandaran

Berbagai - bagi definisi dan pengertian tentang bandar telah diberi oleh pengkaji-pengkaji bandar. Wirth (1938) menyatakan bandar sebagai kawasan petempatan yang mempunyai penduduk ramai dan padat, serta terdiri

dari pada berbagai-bagai latar belakang sosial. Bergel (1955) menyatakan bandar pada kebiasaananya penduduk menjalankan kegiatan bukan pertanian. Menurut Maunier (1957) pula, bandar adalah satu masyarakat yang lengkap, di mana kedudukan geografinya menghadkan saiz penduduknya atau di mana elemen-elemen kawasannya lebih banyak bergabung, jika dibandingkan dengan elemen-elemen kemanusiaan. Dalam pada itu, Hawley (1971) mentakrifkan bandar sebagai kawasan petempatan yang agak tetap dengan penduduknya yang mengkhusus dalam pelbagai kegiatan yang bercorak bukan pertanian.

Dengan ini, rata-rata pengkaji memperkatakan tentang bandar dan pembandaran yang dilihat dalam sudut disiplin ilmu masing-masing. Oleh itu, bandar adalah sukar untuk ditakrifkan. Ini kerana tidak wujudnya satu definisi yang seragam dan boleh diterima oleh semua pihak. Definasi bandar berbeza dari satu masyarakat ke satu masyarakat lain (Sulong Mohamad, 1985). Malah, dalam disiplin-disiplin akademik juga, definasi bandar berbeza antara satu disiplin dengan suatu disiplin yang lain (Mahayudin Hj. Yahya, 1985; Johari Mat, 1985).

Lantaran timbul kekeliruan tentang apa yang sebenarnya dikatakan bandar, maka Hawley (1971) mengemukakan pandangan bahawa sesbuah bandar mestilah mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai sebuah bandar. Pertama, bandar adalah sebuah entiti fizikal yang tersendiri. Ianya terdiri daripada bangunan-bangunan kekal yang berkelompok secara padat. Ini termasuklah dinding-dinding yang tertutup, jalan-jalan, rumah-rumah, pasar, kawasan ibadat, kawasan pentadbiran dan kawasan perusahaan. Perkara-perkara yang dinyatakan ini merupakan sebahagian keadaan fizikal bandar. Manakala

kumpulan penghuni bandar pula menjalankan penghidupan secara kolektif. Kedua, bandar merupakan satu perkelompokan penduduk dengan kepadatan yang tinggi, yang tidak mungkin kegiatan ekonomi pertanian dijalankan di sini. Saiz penduduk kerap digunakan untuk mentakrifkan bandar dikebanyakannya negara. Ketiga, ialah otonomi politik. Bandar merupakan satu perkelompokan penduduk yang mempunyai kerajaan sendiri. Keempat, bandar merupakan satu kawasan perbandaran (urban place) yang mengambarkan mutu penghidupan yang lazim terdapat di tempat-tempat seperti ini. Mutu penghidupan pula merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan di bandar dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Berdasarkan kepada empat ciri-ciri utama seperti yang dinyatakan inilah, maka Hawley (1971:9) menegaskan bahawa "bandar adalah satu unit sempadan pentadbiran yang tetap dengan kepadatan yang relatif, di mana penduduknya bekerja untuk menyara diri dengan memberi pengkhususan dalam pelbagai bidang bukan pertanian. Jelas sekali unit sedemikian tidak boleh menyara diri sendiri, tetapi ia saling bergantung antara orang-orang yang tinggal di tempat lain yang terlibat dengan pelbagai aktiviti".

Sementara itu, definisi bandar sebagaimana yang ditakrifkan oleh pengkaji-pengkaji, mungkin menepati untuk keperluan intelektual sahaja. Tetapi dari segi praktisnya, seperti yang telah diperkatakan, bandar ditakrifkan dengan berbagai-bagai cara. Oleh yang demikian, wujudlah perbedaan definisi, di antara satu negara dengan negara yang lain. Perbezaan definisi ini dapat dilihat sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1 : Definasi Rasmi Bandar Di Beberapa Negara Terpilih

Algeria	Lima puluh lima kelompok masyarakat terpenting yang mempunyai kerajaan tempatan sendiri.
Australia	Perkelompokan penduduk seramai 1,000 orang atau lebih dengan kepadatan setinggi 500 bagi satu batu persegi.
Austria	Kelompok masyarakat yang mempunyai penduduk lebih daripada 5,000 orang.
Brazil	Zon-zon pembandaran dan pinggir bandar yang terletak di dalam pusat pentadbiran daerah.
Bulgaria	Bandar yang ditentukan secara sah dari segi undang-undang sebagai terbandar.
Kanada	Bandaraya, bandar, kampung yang mempunyai 1,000 orang penduduk atau lebih.
Chile	Pusat penduduk yang mempunyai ciri-ciri pembandaran yang jelas dan disediakan dengan perkhidmatan-perkhidmatan bandaran dan majlis bandaran.
Colombia	Penduduk yang tinggal di pusat yang mempunyai 1,500 orang atau lebih.
Cuba	Petempatan yang mempunyai 2,000 orang atau lebih.
Denmark	Aglomerasi yang mempunyai 200 orang penghuni atau lebih.
England dan Wales	Petempatan yang dikelaskan sebagai pembandaran bagi tujuan kerajaan tempatan.
Perancis	Kelompok masyarakat yang mempunyai penghuni 2,000 orang atau lebih dan tinggal di rumah-rumah yang rapat-rapat.
Greece	Majlis bandaran dengan perkelompokan penduduk seramai 10,000 orang atau lebih.
India	Bandar-bandar bergabung dan semua tempat yang mempunyai 5,000 orang penghuni atau lebih.
Indonesia	Majlis bandaran, ibu daerah pemerintah dan semua tempat yang mempunyai 5,000 orang penghuni atau lebih.
Iraq	Kawasan yang terletak di dalam sempadan Lembaga Majlis Bandaran.
Jepun	Majlis bandaran bandar yang mempunyai 30,000 orang penghuni atau lebih.
Malaysia	Mana-mana kawasan yang mempunyai 10,000 orang penduduk atau lebih.
Netherlands	Majlis bandaran dengan penduduk 2,000 orang atau lebih.
Norway	Majlis bandaran bandar.
Peru	Ibu daerah dan pusat penduduk yang mempunyai cirri-ciri kebandaran.
Sweden	Kawasan binaan dengan jumlah penghuni paling kurang 200 orang.
Tunisia	Bandaraya dan kawasan bandar yang diwartakan secara rasmi seperti tersebut oleh mana-mana republik berkenaan.
Amerika Syarikat	Pusat dengan penduduk seramai 2,500 orang atau lebih.
Venezuela	Bandaraya bandar dan 183 kawasan lain yang mempunyai ciri-ciri sosioekonomi bandar.

Sumber: Sulong Mohamad (1985), "Perbandaran, Isu Dan Pembangunan Negara", dalam Sulong Mohamad dan Rahimah Abd. Aziz (Peny). **Perbandaran Dan Pembangunan Negara**. Bangi: UKM. hlm.30.

Berdasarkan Jadual 2.1, Sulong Mohamad (1985) menyatakan tidak ada negara yang mentakrifkan bandar dengan menggunakan kesemua kriteria yang dibincangkan. Kebanyakan negara menggunakan satu atau dua sahaja daripada semua kriteria. Dengan ini, Sulong Mohamad (1985) merumuskan bahawa kebanyakan negara menggunakan empat kriteria dalam mentakrifkan bandar. Pertama, negara yang mentakrifkan bandar dengan menggunakan saiz penduduk. Kedua, negara yang mentakrifkan bandar dengan menggunakan fungsi pentadbiran. Ketiga, negara yang mentakrifkan bandar dengan menggunakan kriteria sosiologi. Keempat, negara yang mentakrifkan bandar berdasarkan gabungan kesemua kriteria-kriteria yang dinyatakan.

Bagi Johari Mat (1985), perbezaan takrifan ini adalah merupakan perbedaan konseptual, yang mana boleh menyulitkan kita untuk membuat perbandingan perbandaraan antarabangsa. Untuk mengatasi masalah perbezaan konseptual ini, beliau melaporkan bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu mencadangkan supaya bandar-bandar dikelaskan berdasarkan saiz penduduk. Dengan cara ini, perbandingan taraf perbandaran antarabangsa akan dapat dilakukan dengan lebih mudah.

Pembandaran pula merupakan suatu proses perkembangan bandar yang berlaku bukan sahaja dari segi pertambahan keluasan kawasan sesuatu bandar, tetapi juga pertambahan penduduk dan kegiatan perdagangan, perniagaan, perkhidmatan serta perindustrian dalam bandar tersebut. Bandar wujud hasil daripada proses pembandaran (Rahimah Abdul Aziz, 1989:110)

Mengikut Breese (1966), pembandaran adalah merupakan proses mencapai ciri-ciri hidup bandar, perpindahan penduduk ke bandar, pertukaran

pekerjaan daripada kegiatan pertanian kepada kegiatan lain yang lazim terdapat di bandar dan seterusnya pertukaran pola-pola perlakuan penduduk. Kesemua perkara ini berkaitan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Davis (1978) pula menegaskan bahawa pembandaran sebagai pertumbuhan jumlah penduduk sesebuah negara.

Proses perkembangan bandar terus-menerus berlaku, baik di negara yang sedang membangun ataupun di negara maju. Oleh itu, pembandaran dalam pengertian yang paling lazim difahami ialah merujuk kepada kadar atau peratusan penduduk disesetiap negara yang tinggal di petempatan bandar (lihat Maunier, 1957; Davis, 1948; 1978; Hawley, 1971).

Umumnya, ada beberapa faktor utama yang mempengaruhi pembandaran dan tumpuan penduduk dalam kawasan-kawasan bandar. Pengaruh faktor-faktor ini pula berbeza dari sebuah negara dengan negara lain, kerana pertumbuhan bandar dalam sesebuah negara berlaku dalam keadaan-keadaan sosiopolitik yang berbeza. Dalam pada itu, pembandaran bukan sahaja melibatkan pertumbuhan penduduk tetapi juga melibatkan perubahan sosial di kalangan penduduk bandar (lihat Wirth, 1938; Hairi Abdullah, 1985; Friedmann dan Wulff, 1986; Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, 1988; 1992). Kehidupan di bandar-bandar besar terutama sekali amat berbeza dengan kehidupan di desa, walaupun ada benarnya dalam pernyataan bahawa migran desa meneruskan gaya hidup desa mereka di bandar seperti mana yang dilaporkan oleh Lewis (1975: 345-357) "urbanization without breakdown". Dalam proses perubahan dan penyesuaian gaya hidup inilah timbulnya berbagai-bagai isu kemasyarakatan

dan kemanusiaan yang menjadi dilema atau sesetengah pengkaji menyatakan "krisis pembandaran".

Selalunya, pembandaran mempunyai kaitan yang rapat dengan taraf pembangunan ekonomi sesebuah negara. Kerapkali juga taraf pembandaran digunakan sebagai salah satu ukuran untuk menunjukan taraf pembangunan sesebuah negara. Semakin maju sesebuah negara itu, semakin tinggilah pula jumlah penduduknya yang tinggal di bandar. Dalam aspek yang lain pula, pembandaran juga merujuk kepada perubahan masyarakat, iaitu dari satu masyarakat yang mudah kepada satu masyarakat yang kompleks, terutama sekali mengenai organisasi sosialnya (Sulong Mahamad, 1985:28).

Mengikut Hairi Abdullah (1985: 105-114) perubahan-perubahan ini merangkumi aspek-aspek seperti sempadan taat setia keluarga, hubungan dalam keluarga, gaya hidup, ciri-ciri demografi, gaya, tujuan dan tuntutan ekonomi, pendidikan dan politik. Manakala Hawley (1971) pula menyatakan bahawa perubahan ini meliputi seluruh kehidupan individu dan juga kumpulan. Maka, dalam proses perubahan dan penyesuaian gaya hidup inilah timbul berbagai-bagai isu kemasyarakatan dan kemanusiaan yang menjadi dilema kepada para perancang dan pentadbir bandar dan perkara ini juga sudah banyak diperkatakan oleh para pengkaji serta dicerakin sebab dan puncanya (lihat Midgley, 1981; McGee, 1963; 1982; Sulong Mohamad, 1985; Rahimah Abdul Aziz, 1989; Mohd Razali Agus, 1992; 1993).

Walaupun para pengkaji bandar dan pembandaran memperkatakan tentang bandar dan pembandaran yang dilihat dalam sudut disiplin ilmu masing-masing, namun rata-rata di kalangan ahli geografi, ahli ekonomi, ahli sains

sosial, para akademit, para ulama, para sasterawan, para perancang dan pentadbir bandar melihat imej bandar dalam aspek-aspek positif dan negatif. Howard (1965) telah mengkonsepsikan bandar kepada dua aspek berkenaan. Dari segi aspek positif, bandar menyediakan banyak peluang-pelunag pekerjaan, kadar upah yang tinggi, pusat hiburan dan jalan-jalan yang diterangi oleh lampu-lampu. Manakala dari segi negatif pula ialah kesunyian di tengah-tengah kesibukan orang ramai, kos penghidupan dan kadar sewa yang tinggi, jarak antara tempat kerja dan kediaman yang jauh, pencemaran, bising, busuk dan keadaan meleset. Dalam pada itu, Howard (1965) menyarankan agar aspek-aspek positif yang terdapat di desa dan di bandar digembelingkan, agar wujud komuniti baru di dalam bandar yang dikenali sebagai "taman dalam bandar". Dengan ini, sebab itulah Wirth (1975) menyatakan "pembandaran sebagai satu cara hidup" dan Lewis (1975) menyatakan bahawa pada sesetengah aspek "pembandaran tidak memecahkan".

Proses pembandaran yang dialami oleh Dunia Pertama, terutamanya di Barat agak berlainan dengan yang dialami negara-negara Dunia Ketiga. Di Barat, pembandaran adalah sebagai akibat daripada perkembangan perindustrian, manakala di Dunia Ketiga pembandaran dikatakan tiada hubungan dengan perindustrian (Foster-Carter, 1985; Rahimah Abdul Aziz, 1989). Manakala kewujudan unsur-unsur negatif di bandar-bandar Barat telah menyebabkan berlakunya apa yang dikenali sebagai sub-urbanisasi, iaitu satu fenomena yang merujuk kepada perpindahan penghuni bandar kelas menengah dan atasan dari pusat bandar ke kawasan-kawasan pinggir bandar, kerana di sini terdapatnya air dan udara yang bersih, kecantikan semulajadi yang masih

terjamin, jauh daripada pencemaran buni bising dan keadaan meleset, di samping keadaan cukai, harga dan sewa yang masih rendah (Sulong Mohamad, 1985). Aliran mobiliti penduduk bandar ini berhubungkait pula dengan beberapa faktor yang mendorong pergerakan mereka dan ianya telah banyak diperkatakan oleh pengkaji-pengkaji bandar dan perumahan (lihat Turner, 1977; Edward, 182; Mohamad Razali Agus, 1992; 1993).


Sementara itu, walaupun bandar mempunyai unsur-unsur yang negatif, nampaknya manusia belum bersedia untuk meninggalkan persekitaran bandar. Manusia masih mahu mengelompok di bandar atau persekitaran berhampiran dengan bandar, kerana masih ada unsur-unsur positif di bandar. Unsur-unsur ini pula merupakan tarikan yang kuat sehingga berjaya pula menarik para migran dari desa (Chamhuri Siwar, 1985).

Dengan ini, jelaslah bandar memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Manakala pembandaran pula tidak dapat dielakkan. Bagi negara-negara membangun, peranan bandar dalam pembangunan negara harus dipergunakan seluasnya. Bandar sebagai pusat tumpuan kegiatan ekonomi moden harus membuka peluang seluas-luasnya kepada penduduk bandar dan desa untuk menyertai kegiatan-kegiatan tersebut. Untuk memainkan peranan tersebut, bandar seharusnya berupaya menyediakan peluang pekerjaan, kemudahan-kemudahan asas yang seimbang dan cukup, serta persekitaran yang sihat. Namun begitu, kebanyakan bandar, terutamanya di negara Dunia Ketiga tidak berupaya, kerana tumpuan penduduk yang keterlaluan dan pertumbuhan bandar tidak dirancang sebaik mungkin (Sulong Mohamad, 1985). Akibat ketidakupayaan itu, timbulah berbagai-bagai masalah

sosial dan fizikal di bandar sebagai akibat daripada proses urbanisasi yang berterusan. Di sini, pihak yang sering menerima kritikan dan dipertanggungjawabkan ialah para perancang dan pentadbir bandar.

Dalam konteks pembandaran, permasalahan yang timbul kerana perkiraan serta perancangan-perancangan yang turut membeza pisah aspek kemanusiaan dan benda/fizikal bandar sebagai isu yang terpisah di antara satu sama lain (Capra, 1982). Menyedari kepincangan yang begitu mendalam, ramai pihak di Barat hari ini telah mula memikirkan semula akan kepentingan "dualisme" atau pemisahan ini dihentikan. Di antara pandangan-pandangan baru yang muncul sebagai memberi panduan dan nafas baru ialah konsep atau pandangan alam yang digelar "holistik" atau pemikiran "ekologi" yang kesemuanya melihat kehidupan sebagai satu kesatuan sistem-sistem yang mempunyai pertalian dan perkaitan organik (hidup) di antara satu sama lain (Azizan Hj. Baharuddin, 1994: 1). Selaras dengan ini, maka bagi Azizan Hj. Baharuddin (1994: 1-2) mengibaratkan pembandaran sebagai sekuntum bunga yang melambangkan kesatuan fungsi kehidupan bandar. Di mana kelopak-kelopak bunga mungkin boleh melambangkan keperluan dan jika gugur atau cacat salah satu kelopak ini, maka cacat dan pincanglah keseluruhan bunga tadi. Gambaran ini dapat dilihat sebagaimana yang digambarkan dalam Gambarajah 2.2.

Gambarajah 2.2 : Gambaran Bandar Dalam Sekuntum Bunga



Sumber : Azizan Hj. Baharuddin (1994), *Hijrah Tahun 2000 : Ke Arah Pembandaran Yang Harmoni Mengikut Perspektif Holistik*, DBKL, hlm.1.

- Nota :
1. Pentadbiran Bandar
 2. Pengangkutan
 3. Perumahan
 4. Perparitan
 5. Peribadatan
 6. Kesihatan
 7. Pendidikan
 8. Keadilan/Perundangan
 9. Ekonomi

2.3 Pembandaran Di Dunia Ketiga

Worsley (1969) menyatakan Dunia Ketiga adalah sebilangan negara bangsa yang dianggap mempunyai otonomi politik, terutamanya selepas Perang Dunia Kedua. Sebahagian besar daripada ciri-ciri sosial yang wujud di negara-negara Dunia Ketiga ini merupakan hasil daripada proses sejarah yang khusus, yakni kesan daripada perkembangan kuasa-kuasa Eropah (dan

(kemudiannya Amerika juga), yang telah berlangsung sejak abad ke-16, dan juga kesan daripada hubungan-hubungan kolonial (dan kemudiannya neo-kolonial) yang telah dihasilkan dalam proses sejarah tersebut (dipetik daripada Rustam A. Sani, 1985). Maka dengan ini, sebahagian besar bandar-bandar di Dunia Ketiga seperti mana yang didapati sekarang, wujud hasil daripada pertembungan sejarah yang dialami oleh negara-negara Dunia Ketiga berkenaan.

Oleh kerana kebanyakan negara Dunia Ketiga pernah dijajah dari segi sejarahnya, dan kebanyakannya mencapai kemerdekaan selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, maka ianya juga dikatakan negara yang baru muncul. Dalam pada itu, menghadapi pula pelbagai masalah dan cabaran, dalam usaha untuk mewujudkan kestabilan politik, kematangan jentera pentadbiran kerajaan, kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial di kalangan rakyatnya.

Dalam tempoh yang begitu lama negara-negara Dunia Ketiga telah dijajah oleh kuasa-kuasa Barat, dan proses kolonialisme, telah meninggalkan berbagai-bagi kesan dan pengaruh bukan sahaja ke atas pembangunan fizikal, politik, ekonomi, sosial, tetapi juga terhadap mentaliti, sikap, psikologi dan nilai-nilai budaya masyarakat tempatan. Setelah mencapai kemerdekaan dan sehingga kini, negara Dunia Ketiga sedang berusaha untuk mewujudkan kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial serta membangunkan identiti nasional tersendiri, bagi mencapai matlamat dan cita-cita kemerdekaan. Penjajah yang telah melaksanakan dasar "pecah dan perintah" serta memasukkan doktrin ekonomi yang liberal, adalah untuk memelihara kepentingan diri mereka sendiri dengan mengaut segala harta kekayaan dari

negara-negara yang telah dijajah. Sebahagian masyarakat tempatan, khasnya kaum bumiputra telah diabaikan dan berada dalam kancang kemiskinan.

Negara Dunia Ketiga, didapati rata-rata telah menyusun langkah untuk membangunkan negara, terutamanya setelah mencapai kemerdekaan, berdasarkan matlamat, cara, ideologi dan impian negara masing-masing. Tugas membina negara dan merancang untuk pembangunan menjadi dua tugas yang penting dan mendesak. Midgley (1981) menyatakan bahawa perancangan pembangunan adalah satu alat yang mustahak dalam dasar ekonomi di negara-negara Dunia Ketiga. Sementara itu, matlamat pembangunan ialah ingin dicapai dalam beberapa dekat dan bukannya beberapa abad, seperti yang dialami oleh negara maju Barat. Aspirasi yang bertambah di kalangan negara Dunia Ketiga, terutamanya negara yang agak miskin dan ketinggalan adalah dengan secepat mungkin mendapat taraf ekonomi dan sosial yang sama dengan negara maju telah dibayangkan di dalam rancangan-rancangan pembangunan negara (Rahimah Abdul Aziz, 1989).

Walaupun kebanyakan negara Dunia Ketiga masih belum mampu berdikari, namun kebanyakannya sedang giat membangun. Program-program pembangunan sama ada jangka pendek atau jangka panjang adalah bertujuan untuk meningkatkan sosioekonomi dan sosiobudaya. Ia juga dirancang dan dilaksanakan untuk mengatasi masalah kemiskinan dan pengagihan ekonomi serta sosial yang lebih adil. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, arah pembangunan yang ketara ialah urbanisasi dan modenisasi. Manakala rakyatnya pula dipupuk dengan nilai-nilai kemajuan dan kemodenan, berasaskan kepada model negara-negara maju, khususnya di Barat.

Urbanisasi dan modenisasi terus-menerus berkembang, terutamanya selepas negara-negara Dunia Ketiga mencapai kemerdekaan. Kegiatan ekonomi perindustrian dan perdagangan mula berkembang, yang mana kebanyaknya berpusat di bandar-bandar. Sehubungan dengan ini, Midgley (1981:44) melapurkan bahawa ibu negeri zaman penjajah yang telah disusun secara teratur dengan mempunyai pemandangan yang indah dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang baik menjadi semakin hodoh apabila penempatan setinggan bercambah. Dalam usaha kerajaan untuk memulihkan kecantikan asal ibu negeri ini, telah memulakan pembersihan kawasan setinggan dan mula membina kawasan-kawasan perumahan awam.

Pembandaran adalah satu fenomena yang berterusan berlaku dan dialami oleh semua negara di dunia. Secara disedari atau tidak, semakin ramai penduduk dunia yang sedang mendiami kawasan bandar. Pada masa yang sama, kekayaan dan hasil pendapatan negara juga semakin tertumpu ke kawasan bandar. Wujudnya keadaan ini, semacam hubungan yang semakin rumit di antara proses pembandaran dan pembangunan negara, dan ianya telah menyedarkan kita bahawa pembandaran bukanlah suatu kesan dari proses pembangunan negara atau sebaliknya, tetapi kedua-dua proses ini adalah saling melengkapi untuk mencetuskan pertumbuhan ekonomi dan perubahan-perubahan sosial (Katiman Rostam, 1985:361).

Peranan bandar dalam proses pembangunan negara adalah sangat penting. Friedmann (1973) mengakui bahawa bandar boleh menggalakkan pembangunan negara dengan memainkan fungsi tertentu seperti menyalur dan menyerapkan idea-idea pembangunan ke kawasan-kawasan desa, sebagai

agen perubahan dan sebagai pusat pergantungan kawasan-kawasan lainnya dari segi pembangunan. Bandar dan pembandaran telah banyak diperkatakan oleh pengkaji-pengkaji bandar dengan berbagai-bagai pendekatan diutarakan sama ada pengkaji peringkat awal seperti Wirth, 1938; Davis, 1948; Lewis, 1960; Hanser, 1965; Breese, 1966, dan pengkaji-pengkaji yang terkemudian serta masa kini seperti Hawley, 1977; McGee dan Yeung, 1977; McGee, 1977;1982; Drakakis-Smith, 1981; 1987; Sulong Mohamad,1985, Katiman Rostam, 1985, Rahimah Abdul Aziz, 1989; Mohd. Razali Agus, 1986, 1988; 1992 dan lain-lain.

Di Dunia ketiga, pertumbuhan bandar yang pesat begitu ketara sekali pada kurun ke 20 (Sulong Mohamad, 1985). Pembangunan bandar secara menyeluruh bertambah pesat daripada sebelumnya dan kemungkinan akan terus meningkat di sepanjang kurun ini, kerana kebanyakkan negara di Asia dan Afrika masih belum mencapai kadar pertumbuhan bandar maksimum yang diramalkan (Drakaki-Smith, 1981).

Pembandaran yang berlaku di negara Dunia Ketiga, secara umum boleh dilihat melalui tiga peringkat, iaitu peringkat sebelum penjajahan, semasa penjajahan dan selepas penjajahan (Rahimah Abdul Aziz, 1989). Sebelum penjajahan, bandar-bandar di Dunia Ketiga adalah kecil dengan jumlah penduduknya kecil juga. Ketika ini bandar berperanan sebagai pusat politik, pentadbiran dan juga agama bagi sesebuah kawasan. Dalam pada itu, bandar juga menjalankan kegiatan ekonomi perdagangan secara kecil-kecilan, ekonomi sara diri dan pertukaran barang.

Peringkat penjajahan, adalah dikaitkan dengan pembandaran yang berlaku untuk kepentingan ekonomi penjajah, dalam mengeksplotasi sumber-

sumber kekayaan negara Dunia Ketiga. Pada peringkat ini, bandar-bandar terletak di pinggir-pinggir laut dan berperanan juga sebagai pelabuhan serta pusat perdagangan. Lombong dan ladang yang dibuka oleh penjajah memerlukan perkembangan bandar untuk pusat pentadbiran dan perkhidmatan. Bandar-bandar terus memainkan peranan menerima, menyebar dan menjual barang import dan eksport. Untuk melicinkan lagi kegiatan ekonomi mereka, pihak penjajah telah memilih bandar-bandar tertentu untuk dikembangkan dan dijadikan pusat-pusat pentadbiran ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan seperti bandar-bandar yang kini menjadi ibu negeri Dunia Ketiga (Rahimah Abdul Aziz, 1989:116-117).

Selepas merdeka, bandar yang dipilih terus berfungsi sebagai pusat pentadbiran, kegiatan ekonomi, sosial dan kebudayaan, sehingga ia menjadi bandar "primat". Penempatan-penempatan baru dibuka dan perindustrian diadakan di bandar-bandar. Selepas merdeka juga, usaha untuk membangunkan negara melalui pembangunan giat dilaksanakan. Pada peringkat ini, berlaku penghijrahan penduduk dari luar bandar dan bandar kecil yang lain ke ibu-ibu negara ataupun bandar besar. Aliran penghijrahan ini berterusan dan menyebabkan bandar-bandar utama berkembang dengan pantas sekali.

Kini bandar-bandar utama Dunia Ketiga mengalami proses pembandaran yang berlebihan dan menghadapi tekanan penduduk. Gejala ini berlaku akibat kepesatan kadar pembandaran tanpa diikuti oleh kepesatan pertambahan peluang pekerjaan dan perkhidmatan perbandaran yang lain. Akibatnya, berlaku kemiskinan bandar, pengangguran, persetinggan, masalah perumahan, gejala

sosial, jenayah dan lain-lain masalah pembandaran. Implikasi daripada proses pembandaran yang telah dialami oleh negara-negara Dunia Ketiga dapat dilihat dalam beberapa demensi utama yang akan dibincangkan seperti berikut :-

i. Pertambahan Dan Mobiliti Penduduk

Dalam tempuh tiga dekad kebelakangan ini, kebanyakan negara Dunia Ketiga mengalami proses pertumbuhan penduduk yang begitu pesat, jika dibandingkan dengan masa yang lalu. Mengikut "Population Council, 1976", perkembangan penduduk yang pesat dan tekanan penduduk telah diterima secara meluas sebagai satu lagi masalah sosial di negara-negara mundur. Banyak negara yang kini mencatatkan kenaikan pertumbuhan penduduk lebih daripada 2 peratus setahun, antara tahun-tahun 1970 – 1975. Manakala kadar kenaikan purata penduduk di negara sedang membangun ialah 2-3 peratus setahun, sedangkan kadar pertumbuhan penduduk di negara-negara industri (negara maju) hanyalah 0.8 peratus setahun (dipetik daripada Midgley, 1981:90).

Pertambahan penduduk yang begitu pesat dialami oleh negara-negara Dunia Ketiga telah dikesan melalui dua punca utama. Iaitu pertambahan secara semula jadi dan pertambahan akibat daripada penghijrahan (Drakaki-Smith, 1981). Di negara membangun, sebab utama pertumbuhan semula jadi yang pesat ialah kerana berkurangnya bilangan kematian, terutamanya bilangan kematian bayi. Ini hasil daripada peningkatan dalam bidang perubatan, penjagaan kesihatan dan

pemakanan. Sebaliknya, kadar kelahiran yang umumnya masih tinggi dipengaruhi oleh jalinan pelbagai faktor seperti biologi, sosial dan ekonomi. Atas faktor-faktor ini, penduduk di Dunia Ketiga berkemungkinan akan bertambah dua kali ganda dalam jangka masa 25 tahun sahaja (Drakakis-Smith, 1981:7).

Kebanyakan negara Dunia Ketiga, tekanan penduduk lebih kuat di dalam sektor pertanian kerana pertumbuhan semula jadi telah melebihi keupayaan produktif tanah, iaitu untuk menyerap buruh sedia ada. Lantaran itu, penghijrahan beramai-ramai penduduk dari desa ke bandar berlaku dengan hebat sekali, sehingga kebanyakkan bandar-bandar utama di Dunia Ketiga mengalami ledakan penduduk. Penduduk bandar sentiasa bertambah dari masa ke semasa, sebagai akibat daripada pertambahan semulajadi dan tumpuan para penghijrah dari desa, untuk mengejar peluang-peluang pekerjaan di bandar yang pendapatannya lebih baik berbanding di desa. Alasan ekonomi biasanya membuat seseorang itu mengambil keputusan untuk berhijrah (Todaro, 1989).

Dalam usaha untuk membangunkan negara, rata-rata pembangunan di Dunia Ketiga tertumpu di bandar-bandar dengan lebih banyak peluang-peluang ekonomi terbuka. Keadaan ini menyebabkan aliran penghijrahan penduduk desa ke bandar berterusan dan menimbulkan pula berbagai-bagai implikasi di desa dan di bandar. Dikatakan faktor menolak di desa dan faktor menarik di bandar memainkan peranan penting dalam penghijrahan penduduk ke bandar (lihat Anderson, 1963; Germani, 1965; Yaacob Harun, 1993). Tekanan

penduduk yang dihadapi oleh bandar-bandar Dunia Ketiga, telah menyebabkan wujud pula pelbagai masalah dari segi fizikal, sosioekonomi dan sosiobudaya yang bertambah rumit di bandar seperti masalah perumahan, pengangkutan, pencemaran bandar, kemiskinan dan masalah-masalah sosial yang lain dan ini telah banyak diperkatakan oleh para pengkaji (lihat Dwyers, 1975; Davis, 1978; McGee, 1982; Friedmann dan Wulff, 1986; Rahimah Abdul Aziz, 1989; Mohd Razali Agus, 1992; 1993; Yaacob Harun, 1993).

Pengaliran penduduk dari desa ke bandar mempunyai berbagai-bagi jenis pergerakan, seperti perpindahan kekal, separuh kekal, berputar dan juga berulang-alik, tidak seperti pola penghijrahan desa-bandar yang dialami di negara-negara Barat dahulu (Samad Hadi, 1985). Corak dan ragam penghijrahan ini akan berterusan kerana kebanyakan bandar di Dunia Ketiga dikatakan masih belum terbandar sepenuhnya.

ii. Pembangunan Wilayah Dan Pertumbuhan Bandar

Kebanyakan negara di Dunia Ketiga telah merancang dan menyusun strategi untuk membangunkan negara. Program dan rancangan jangka panjang dan jangka pendek diatur dengan penekanan untuk mencapai taraf hidup sebagaimana yang terdapat di negara Barat yang maju. Rancangan pembangunan desa dilaksanakan melalui meningkatkan keperluan dan kemudahan asas serta membangunkan sektor pertanian ke arah pertanian moden. Dalam pada itu, rata-rata negara Dunia Ketiga menekankan kepada pembangunan perindustrian

secara pesat dan mengelompokkannya di bandar-bandar. Ini disebabkan negara yang dikatakan membangun dan maju merupakan negara industri. Dengan ini, perindustrian dilihat sebagai satu cara untuk mencetus taraf hidup yang lebih tinggi dan dengan itu mencapai pembangunan dan kemajuan (Rahimah Abdul Aziz, 1989:122).

Dalam usaha membangunkan negara bagi meningkat taraf sosioekonomi penduduk, menyebabkan banyak pertumbuhan kawasan-kawasan baru, baik dari segi pertanian ataupun perindustrian (lihat Katiman Rostam, 1985, Chamhuri Siwar, 1985). Paling ketara, proses pembandaran berlaku dengan hebat sekali. Banyak peluang-peluang ekonomi terbuka di bandar, terutamanya bandar-bandar utama (Mohd. Razali Agus, 1992). Gerakan ini menyebabkan aliran migrasi, khusunya dari desa ke bandar berterusan. Implikasi daripada ini, menyebabkan pembangunan wilayah dalam sesebuah negara tidak seimbang. Terdapat wilayah yang maju dengan penduduk yang ramai dan wilayah yang mundur dengan penduduk yang kurang. Manakala bandar-bandar yang sedia ada mengalami proses pembandaran yang mendadak, kerana ianya menjadi destinasi utama penghijrahan penduduk, bagi mengejar peluang-peluang ekonomi yang terbuka.

Mengenai ketidak seimbangan pembangunan wilayah di negara Dunia Ketiga, dikaitkan dengan beberapa faktor dan faktor yang paling ketara sekali adalah akibat penghijrahan penduduk dari satu wilayah ke wilayah yang lain, didorong atas sebab-sebab untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik. Dalam hal ini, bandar yang mempunyai

berbagai-bagai kemudahan menjadi tumpuan penduduk. Oleh yang demikian, kebanyakan bandar di Dunia Ketiga berkembang dengan pesat dan cepat. Perkembangan bandar yang pesat telah menyebabkan wujud pula ketidak seimbangan di antara bandar-bandar yang berlainan kategori saiz, di antara bandar-bandar di wilayah maju dan wilayah mundur dan di antara kumpulan-kumpulan sosial di bandar-bandar utama (Katiman Rostam, 1983; 1985).

Pertumbuhan penduduk bandar yang pesat, sebahagian besarnya adalah berpunca daripada penumpuan usaha-usaha pembangunan di bandar-bandar tersebut. Implikasinya, ada di antara kawasan bandar yang tidak sesuai digelarkan sebagai bandar, tetapi penduduknya dikelaskan sebagai penduduk bandar. Lantaran sempadan bandar sentiasa berubah dan berkembang menjadi semakin luas, maka banyak kawasan yang berubah sifat daripada desa kepada bandar dan wujud pula bandar satelit di samping bandar utama.

Tumpuan penduduk yang berlebihan dan pembangunan yang pesat terutamanya di bandar-bandar utama di negara Dunia Ketiga, menyebabkan bandar berkenaan bertambah besar dan dikenali sebagai "bandar primat". Iaitu bandar utama yang beberapa kali ganda besarnya berbanding dengan bandar kedua dan badar lain dalam sesebuah negara. Ini menunjukkan lebihan penduduk yang dialami oleh bandar berkenaan.

iii. Guna Tenaga Dan Sosioekonomi

Pembandaran di Dunia Ketiga telah mengubah corak guna tenaga, daripada sektor pertanian kepada sektor perkhidmatan. Hakikat ini diakui oleh para pengkaji bandar umumnya. Sektor informal memberikan pekerjaan kepada sekumpulan pekerja yang besar bilangannya, yang mungkin terus tinggal di bandar tanpa pekerjaan (Samad Hadi, 1985). Secara umum, proses pembandaran yang dialami oleh negara-negara Dunia Ketiga tidak melibatkan perindustrian. Dalam hal ini, McGee (1979; 1982) menyatakan bahawa pembandaran yang dialami oleh Dunia Ketiga ialah "pembandaran pesudo" kerana proses tersebut berlaku dalam keadaan ekonomi tanpa pembangunan perindustrian yang menjadi asas pembandaran di negara Barat. Manakala bandar utama yang terdapat di Dunia Ketiga merupakan "parasite" kepada bandar kecil dan kawasan pendalamannya. Menurut McGee (1979, 1982) lagi, sektor ekonomi bandar Dunia Ketiga, terdapat satu perkembangan pekerjaan yang bertindih lapis bagi memenuhi keperluan orang-orang miskin bandar. Sektor kapitalis pula akan menekan perkembangan sektor bazar (informal) dan sektor pertanian.

Dalam usaha untuk membangun negara, rata-rata negara Dunia Ketiga memberi sepenuh perhatian untuk mengubah bentuk ekonomi daripada pertanian kepada perindustrian. Oleh yang demikian, pembangunan perindustrian diadakan terutamanya di bandar-bandar (lihat Midgley, 1981; Rahimah Abd. Aziz, 1989; Maimunah Ismail, 1990). Penduduk desa yang telah sekian lama dicekam kemiskinan berlumba-

lumba hijrah ke bandar dengan harapan untuk merebut peluang pekerjaan yang baik dalam sektor perindustrian, bagi membebaskan diri dan keluarga daripada kemiskinan.

Bandar masih belum bersedia untuk menerima penghijrahan penduduk yang berlaku secara mendadak. Peluang-peluang pekerjaan yang ada terbatas dan tidak dapat menampung penduduk yang ramai. Sesetengah penghijrah tidak ada kemahiran yang cukup untuk bekerja, terutamanya di sektor formal. Bagi meneruskan penghidupan di bandar, mereka menjalankan kegiatan ekonomi di sektor informal. Ada yang menjalankannya secara sepenuh masa dan merupakan pekerjaan utama bagi mereka dalam mencari nafkah hidup dan ada pula yang mengusahakannya secara sambilan bagi menambah pendapatan keluarga (lihat Rahimah Ismail dan Zaini Mahbar, 1996; Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj. Idris, 1996).

Implikasi daripada tekanan penduduk yang berlebihan dialami oleh bandar-bandar Dunia Ketiga, telah menimbulkan masalah dari segi guna tenaga, seperti pengangguran dan taraf sosioekonomi penduduk bandar yang tidak seimbang. Terdapat golongan miskin dan berpendapatan rendah, dengan menjalani penghidupan bandar dalam keadaan daif dan serba kekurangan. Manakala golongan berada dan kaya pula hidup dengan penuh kemewahan (lihat Khadijah Muhamad dan Halimah Awang 1991; Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj. Idris, 1991; Jomo K.S, 1991).

Ketidakupayaan bandar untuk menampung penduduk yang berlebihan, bukan sahaja menimbulkan masalah dari segi sosioekonomi

tetapi juga fizikal bandar. Masalah fizikal bandar seperti persetingganan, kesesakan lalu-lintas, banjir kilat, pencemaran (udara, air, bunyi), iklim, pengangkutan awam dan sebagainya telah banyak diperkatakan umum (lihat Azizah Kassim, 1983, 1985a, 1985b, 1985c; Mohd. Razali Agus, 1981; Sulong Mohamad, 1985, Sham Sani, 1990). Masyarakat bandar hidup dengan penuh cabaran dan menghadapi pelbagai masalah sosial seperti kegiatan jenayah, keruntuhan moral dan lain-lain masalah perbandaran. Oleh itu, berbagai-bagai program dan strategi telah dan akan dilaksanakan oleh pemerintah, sama ada jangka pendek atau jangka panjang, untuk mengatasi pelbagai masalah, demi keselesaan penghuni bandar.

iv. Perubahan Sosial Dan Budaya

Pembandaran turut mengubah nilai-nilai sosial dan budaya penghuni bandar. Mereka menjalankan satu kehidupan yang tersendiri, yang di namakan "kehidupan bandar". Nilai-nilai sosial dan budaya tradisi yang menjadi amalan masyarakat desa mula dilupakan, untuk menyesuaikan diri dengan konsep kehidupan moden di bandar (lihat Wirth, 1938; Friedmann dan Wulff, 1976, Moore, 1986; Sulong Mohamad, 1985, Wan Abdul Kadir Yusoff, 1992).

Pembandaran sebagai satu proses pemodenan, memerlukan pertukaran pola perlakuan daripada kecenderungan bertindak mengikut tradisi, berpuas hati dengan amalan yang sedia ada, bersikap pasif, tidak mahu berusaha lebih dan enggan menukar kepada cara baru kepada

pola perlakuan yang menggambarkan masyarakat moden dan masyarakat yang "receptive" kepada perubahan serta cabaran baru. Untuk itu, pola perlakuan bertenaga (energetic behaviour) dikatakan perlu sekali dalam sebarang tindakan di bandar (Yaacob Harun, 1993). Manakala konsep urbanisasi yang dirujuk kepada gaya hidup bandar (urbanisasi) yang membawa perubahan, terutama nilai-nilai baru yang juga dianggap moden, berbeza daripada kehidupan tradisi. Bandar sebagai pusat perubahan tidak pula terpisah dengan bandar-bandar besar di negara-negara asing yang menjadi pusat perubahan budaya (Wan Abdul Kadir Yusoff, 1992)

Pola-pola perubahan sosial dan budaya oleh Dunia Ketiga, dapat dilihat dalam beberapa aspek kehidupan masyarakat bandar. Misalnya dari segi demografi, proses pembandaran menimbulkan keadaan-keadaan yang memerlukan saiz keluarga diperkecilkan. Walaupun kecenderungan ini belum meluas di Dunia Ketiga, tetapi terdapat tandatanda yang menunjukkan kadar kesuburan yang semakin menurun (Sulong Mohamad, 1985).

Juga dapat dilihat dari segi peranan wanita dalam masyarakat bandaran turut berubah. Pembandaran menyediakan beberapa peluang baru kepada kaum wanita, untuk turut sama terlibat dalam kegiatan ekonomi bandar, sama ada di sektor formal ataupun sektor informal. Wanita bekerja merupakan satu aspek kehidupan bandar yang penting. Penglibatan wanita di dalam pekerjaan, membawa beberapa perubahan penting kepada struktur keluarga. Wanita yang bekerja, tidak sahaja

memainkan peranan sebagai ibu dan isteri, tetapi juga berperanan sebagai publik (Sulong Mohamad, 1985). Dalam pada itu, wanita bandar turut berperanan dalam kegiatan ekonomi dan ini dapat pula meningkatkan sosioekonomi keluarga (lihat Fatimah Abdullah, 1985; Rahimah Ismail dan Zaini Mahbar, 1996).

Perubahan-perubahan lain yang dapat dikesan dalam keluarga masyarakat bandaran ialah dari segi tugas menjaga anak, kuasa ibu bapa, hubungan kekeluargaan dan sebagainya, turut berubah sesuai dengan persekitaran bandar. Permasalahan ini telah banyak diperkatakan oleh ahli-ahli sains sosial, serta para pengkaji bandar (lihat Friedmann dan Wulff, 1986; Rahimah Abdul Aziz, 1989; Yaacob Harun, 1993; Rahimah Ismail dan Zaini Mahbar, 1996 dan Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj Idris, 1996). Oleh sebab itu, masyarakat bandar dikatakan masyarakat yang mempunyai ciri-ciri tersendiri. Mereka dikatakan bersifat "individulistik", "egoistik" dan "materialistik". Nilai-nilai ini menyebabkan masyarakat bandar berdepan dengan pelbagai isu dan masalah pembandaran yang begitu sukar untuk ditangani.

.2 Proses Pembandaran Di Malaysia

Malaysia menggunakan kriteria saiz penduduk dan fungsi entadbiran (kerajaan tempatan seperti majlis perbandaran dan majlis daerah) untuk menjelaskan konsep bandar dan luar bandar. Di Malaysia, bandar idealnya sebagaimana yang digazetkan dan mempunyai penduduk lebih daripada 10,000 orang. Biasanya, ada empat tingkat bandar yang dikenalpasti,

iaitu kawasan yang digazetkan dan mempunyai penduduk lebih daripada 75,000 orang, dinamakan "bandar metropolitan"; kawasan yang digazetkan dan mempunyai penduduk antara 10,000 hingga 74,000 orang, dinamakan "bandar besar"; kawasan yang digazetkan dan mempunyai penduduk antara 1,000 hingga 9,999 orang dinamakan "bandar kecil" dan kawasan selainnya dikenali sebagai "luar bandar" (Johari Mat, 1985:390). Dari segi kegiatan ekonomi utama, secara umumnya di bandar kegiatan ekonomi berdasarkan perindustrian, manakala di luar bandar berdasarkan pertanian (Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hassan, 1985).

Proses dan fenomena pembandaran di Malaysia, seperti mana juga yang dialami oleh negara-negara Dunia Ketiga yang lain, mempunyai ciri-ciri tertentu dan berbeza dengan pembandaran yang dialami di Barat. Proses pembadaran di Malaysia berlaku secara berperingkat, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.2. Dalam membincangkan proses pembandaran yang dialami oleh Malaysia, beberapa konsep telah digunakan. Misalnya, Kamal Salih dan Young (1981) menggunakan konsep "tiga peringkat gelombang" dalam proses pembandaran di Malaysia. Evers (1982) menggunakan konsep "litar utara dan litar selatan" manakala Mohd Razali Agus (1992) menggunakan konsep "pusingan utara, pusingan tengah dan pusingan selatan". Konsep "gelombang" , "litar" dan "pusingan" seperti mana yang diutarakan oleh pengkaji berkenaan akan dibincangkan.

**Jadual 2.2 Perkembangan Bandar Di Semenanjung Malaysia :
Aspek-Aspek Politik Dan Sosioekonomi**

Perkembangan Bandar Di Semenanjung Malaysia : Aspek-Aspek Politik Dan Sosioekonomi			
I.	Zaman Kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka	Kurun ke-14/15	Kota Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa dan pusat pemerintahan di Nusantara
II.	Zaman Pra-Kolonial	Kurun ke-16 hingga awal Kurun ke-19	Mengeksplotasi ekonomi Tanah Melayu terutamanya Inggeris dan peringkat awal campur tangan dalam politik Tanah Melayu dengan pembentukan Negeri-Negeri Selat
III.	Zaman Pemerintahan Kolonial Inggeris	Kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20	Proses Kolonialisasi Barat, terutamanya Kolonial Inggeris sampai ke peringkat kemuncak apabila mereka menguasai aspek-aspek ekonomi, politik dan sosial. Melaka, Pulau Pinang dan Singapura menjadi pusat-pusat bandar.
IV.	Zaman Darurat	1948-1960	Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan bandar-bandar kolonial menerima kemunculan setinggan bandar. Di samping itu 600 buah kampung baru yang melibatkan kira-kira 1 juta penduduk muncul berhampiran kawasan bandar
V.	Dekat Dasar Ekonomi Baru (DEB)	1971 hingga awal tahun 1980-an	Pelancaran program-program DEB seperti menggalakan penghijrahan orang melayu desa kebandar, mewujudkan komuniti Melayu bandar untuk mencapai 30% kegiatan ekonomi, rancangan-rancangan pembangunan tanah di Wilayah. Kemunculan setinggan Melayu, kelas menengah dan jutawan Melayu Bandar.
VI.	Era Perindustrian Baru	Awal tahun 1980-an hingga tahun 1990	Penerusan DEB dengan penumpuan yang khusus kepada perancangan pelan-pelan induk/struktur bandar, pelan induk perindustrian terutama industri berat dan penswastaan pembangunan bandar.
VII.	Era Mencapai Negara Maju	Mulai tahun 1991 hingga kini	Penerusan DEB melalui konsep Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000). Memperhebatkan pembangunan bandar dan perindustrian, pembangunan infrastruktur, penempatan semula setinggan dan pembangunan sosial, masyarakat bandar sebagai persiapan menuju negara maju pada tahun 2020.

Sumber : Diubahsuai daripada Mohd Razali Agus (1992),
Pembangunan Perumahan : Isu Dan Prospek
Kuala Lumpur : DBP.hlm.31-33

i. Zaman Kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka

Sebenarnya tidak banyak yang diketahui tentang proses pembandaran sebelum kedatangan penjajah Barat, melainkan beberapa catatan atau penulisan yang menyebut kemunculan bandar-bandar di Semenanjung Malaysia seperti Kuala Berang (Terengganu), Pekan (Pahang) dan di Pantai Barat seperti Kedah dan Melaka. Bandar-bandar ini wujud sebelum kedatangan Islam lagi, dan berkembang menjadi makmur setelah dikunjungi oleh kaum pedagang Islam, yang terdiri daripada pelbagai keturunan Arab, Parsi dan India. Di samping berdagang, mereka juga bergiat dalam bidang dakwah atau penyebaran agama Islam (Mahayudin Hj. Yahya, 1985).

Kota Melaka merupakan satu-satunya bandar Melayu sebagai pusat penyebaran Islam, pusat pemerintahan dan perdagangan yang penting di Nusantara sejak kurun ke-14. Kemasyuran kota Melaka menarik perhatian penjajah Barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris berdagang dan seterusnya menjajah dan mengeksplotasi sumber-sumber ekonomi Tanah Melayu ketika itu. Perkembangan bandar terbatas di kota Melaka, walaupun bandar terdapat juga di Johor dan Pantai Timur yang memainkan peranan sebagai pusat perdagangan (Mohd Razali Agus, 1992).

Pada masa ini juga, dikatakan terdapat bandar-bandar yang baru muncul di kawasan tempat di mana raja-raja Melayu tinggal, yang mana bandar-bandarnya adalah kecil dan jumlah penduduknya juga kecil. Bandar-bandar pada masa ini, memainkan peranan sebagai pusat pentadbiran politik dan agama bagi sesebuah kawasan. Kegiatan perdagangan secara kecil-kecilan juga diadakan dalam bentuk pertukaran barang untuk ekonomi sara diri

(Rahimah Abdul Aziz, 1989). Era ini memperlihatkan Melaka sebagai sebuah negeri yang mewakili negara yang kini dikenali sebagai Malaysia. Melaka pada ketika itu menguasai rantau Nusantara dengan kegiatan perniagaan rempah sebagai kegiatan utama ekonominya (Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1985). Kegiatan ekonomi diusahakan secara tenaga keluarga, tenaga gotong-royong ahli-ahli masyarakat serta tenaga kerahan (Ishak Shaari dan Jomo K.S, 1992).

Secara umum, pembandaran pada kurun ke-14 dan kurun ke-15 berpusatkan zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka dengan kota Melaka sebagai pusat pemerintahan di Nusantara (Mohd Razali Agus, 1992). Walaupun tidak dapat memperturunkan perangkaan yang tepat, ada pendapat yang menyatakan bahawa jumlah penduduk Melaka pada tahun 1511 ialah seramai 190,000 orang (Mahayudin Hj. Yahya, 1985: 140). Oleh itu, tidak syak lagi bahawa Melaka adalah sebuah bandar yang besar pada zaman kesultanan Melayu Melaka.

ii. Pembandaran Pra-Kolonial

Pembandaran pra-kolonial di Tanah Melayu ditentukan oleh laluan kuasa-kuasa produktif kapitalis dalam bentuk kepentingan-kepentingan imperial Inggeris dan Belanda di Timur Jauh. Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824 sekaligus menyelesaikan konflik Inggeris-Belanda yang bersabit dengan kawasan-kawasan perdagangan di rantau Nusantara (H.M Dahlan, 1985:97). Ketika ini, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka yang merupakan negeri-negeri

Selat, menjadi pusat-pusat bandar yang berfungsi sebagai perdagangan untuk kepentingan metropolis Inggeris.

Pembandaran di negeri-negeri Selat digerakkan oleh kuasa-kuasa kapitalis yang terdiri daripada golongan saudagar Eropah dan Cina. Seterusnya golongan ini mula menguasai perlombongan dan perladangan di Tanah Melayu sebelum tahun 1874. Pembandaran di negeri-negeri Selat adalah penting kerana ia merupakan asas perkembangan ekonomi baru ke atas Tanah Melayu seterusnya.

Dalam tahap pembandaran pra-kolonial di Tanah Melayu, kita dapat mengesahkan bahawa pembandaran pra-kolonial telah menyediakan asas bagi pertumbuhan Pulau Pinang, Singapura dan Melaka sebagai pusat bandar yang berfungsi sebagai satelit untuk mengembangkan dan melindungi metropolis Inggeris khususnya, dan kepentingan kapitalis amnya. Manakala orang-orang Melayu tersingkir dan terbendung dalam sistem ekonomi tani di pinggiran. Cuma golongan elit Melayu yang berpengaruh sahaja diintegrasikan ke dalam sistem ekonomi kapitalis, tetapi kedudukan mereka tidak setanding dengan golongan saudagar Eropah dan Cina yang bertapak di negeri-negeri Selat (H.M Dahlan, 1985).

iii. Pembandaran Semasa Penjajahan

Pembandaran di tahap ini berlaku antara tahun 1874 hingga tahun 1957, serentak dengan penubuhan sebuah rejim kolonial Inggeris (H.M Dahlan, 1985: 99). Pembandaran di tahap ini juga dipanggil pembandaran kolonial, iaitu zaman pemerintahan kolonial Inggeris (Mohd Razali Agus, 1992).

Proses kolonialisasi Barat (Inggeris) sampai ke peringkat kemuncak apabila mereka menguasai aspek-aspek ekonomi, politik dan sosial negeri-negeri di Tanah Melayu. Negeri-negeri Selat semakin kukuh kedudukannya, malah dapat menembusi tahap demi tahap negeri-negeri Melayu yang memiliki bahan-bahan mentah yang begitu diperlukan oleh industri di Eropah amnya dan di England khususnya.

Semasa penjajahan, proses pembandaran bertambah pesat kerana kegiatan-kegiatan ekonomi dan politik penjajah telah mengakibatkan munculnya bandar-bandar kolonial (Mohd Razali Agus, 1992). Proses pembandaran semasa penjajahan boleh dibahagi kepada dua peringkat. Iaitu "peringkat merkantilisme" dan "peringkat perindustrian" (Rahimah Abdul Aziz, 1989: 117). Pada peringkat "merkantilisme", bandar-bandar terletak di pinggir-pinggir laut dan berperanan juga sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan. Manakala "peringkat perindustrian" pula, di mana lombong dan estate yang dibuka memerlukan perkembangan bandar-bandar untuk melicinkan proses mengeksplotasi sumber-sumber ekonomi tempatan.

Kemasukan penjajah ke kawasan pendalaman, dengan membuka estate dan lombong, membolehkan proses pembandaran terus berlaku, dengan adanya kemasukan pekerja untuk bekerja di estate dan lombong itu, selain daripada di pusat-pusat pentadbiran dan perkhidmatan. Selain daripada itu, kemasukan golongan pemodal dan pentadbir untuk memenuhi tempat-tempat tertentu telah juga membawa kepada penerusan proses tersebut. Bandar-bandar yang muncul terus memain peranan menerima, menyebar dan menjual barangang import dan eksport. Bagi melicinkan lagi kegiatan ekonomi mereka,

pihak penjajah telah memilih bandar-bandar tertentu untuk dikembangkan dan dijadikan pusat-pusat pentadbiran, ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan seperti bandar-bandar yang kini menjadi ibu negeri (Rahimah Abdul Aziz, 1989).

Satu lagi corak pembandaran semasa penjajahan ialah perkembangan ekonomi kapitalis di negeri-negeri yang terdapat bijih timah dan getah. Industri ini bergantung kepada buruh asing (migran) dan modal asing. Negeri-negeri seperti Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Perak mengalami pertumbuhan bandar yang pesat. Buruh Cina dan India dibawa masuk untuk mengusahakan industri ini. Manakala penduduk peribumi, iaitu orang-orang Melayu tersingkir dari proses-proses ini dan terbiar kekal dalam sektor primitif dan tani di luar bandar. Bandar-bandar umumnya mempunyai penduduk majmuk dalam ertikata penduduk migran, yang terdiri daripada etnik Cina dan India jauh mengatasi penduduk Melayu.

Mengikut Aiken dan Leigh (1975: 546-563) dalam tahun 1891 ada empat pusat bandar yang utama iaitu Pulau Pinang (84,984 penduduk), Taiping (13,304 penduduk), Kuala Lumpur (19,020 penduduk) dan Melaka (16,503 penduduk). Manakala konsep "gelombang" seperti yang diperkatakan oleh Kamal Salih dan Young (1981) ialah peringkat pertamanya berlaku apabila kerajaan Kolonial Inggeris memperkenalkan ekonomi kapitalis kepada Tanah Melayu ketika itu, di mana pusat-pusat bandar telah berkembang dengan pesatnya apabila orang-orang asing dibawa masuk dengan banyaknya. Sementara itu, dalam konsep "litar" sebagaimana yang diutarakan oleh Evers (1982) di mana "litar utara" adalah merujuk kepada pertumbuhan dan perkembangan bandar di Georgetown, Taiping dan Ipoh. Manakala "litar selatan"

pula adalah merujuk kepada proses pembandaran di Kuala Lumpur, Seremban dan Melaka.

Pembandaran di peringkat ini juga telah dilihat oleh Mohd Razali Agus (1992) dalam konsep "pusingannya", di mana terdapat tiga pusingan proses pembandaran yang ketara di Pantai Barat Semenanjung Malaysia sebelum tahun 1970. Pertama ialah "pusingan utara", yang meliputi bandar-bandar seperti Georgetown, Butterworth, Bukit Mertajam, Taiping dan Ipoh. Kedua "pusingan tengah", meliputi bandar-bandar Kuala Lumpur, Pelabuhan Kelang, Petaling Jaya, Seremban, Port Dickson dan Melaka. Ketiga "pusingan selatan", meliputi bandar-bandar Muar, Batu Pahat, Johor Bahru dan Singapura. Manakala pertumbuhan dan perkembangan bandar di Pantai Timur seperti Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuantan agak berbeza daripada bandar kolonial yang digolongkan dalam konsep pusingan ini.

Gelombang peringkat kedua mengikut pendekatan Kamal Salih dan Young (1984) pula ialah proses pembandaran yang berlaku dalam tahun-tahun 1931 hingga tahun 1970, yang mana proses pembangunan negara telah banyak dicorakkan oleh keadaan pasaran barang di dunia. Dalam tahun 1931, bandar-bandar besar yang wujud ialah Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Ipoh mengikut susunan saiznya.

v. Pembandaran Zaman Darurat

Tahap pembandaran zaman darurat, adalah proses pembadaran yang berlaku pada tahun 1948 hingga tahun 1960 (Mohd Razali Agus, 1992). Pembandaran yang berlaku pada masa ini, berkait rapat dengan suasana politik yang berdepan dengan ancaman komunis. Beberapa langkah telah diambil oleh pentadbir Inggeris bagi membendung ancaman komunis, seperti rancangan penempatan semula penduduk, terutamanya penduduk Cina yang berselerak di luar bandar ke satu kawasan petempatan baru di pinggir-pinggir bandar. Penempatan semula kaum Cina ini penting agar kegiatan mereka dapat dikawal, kerana kaum Cina disyaki menolong perjuangan Parti Komunis Malaya (Sandhu, 1964).

Semasa darurat, kerajaan kolonial Inggeris telah memindahkan hampir sejuta penduduk Cina yang kebanyakannya daripada luar bandar ke kawasan baru yang dipanggil "Kampung Baru". Kira-kira 600 buah Kampung Baru telah diwujudkan. Sebahagian daripada mereka yang terlibat dengan proses perpindahan ini melarikan diri ke kawasan bandar yang berhampiran dan inilah yang menyebabkan kemunculan awal golongan setinggan bandar di Malaysia. Sebab itu, ramai antara setinggan Cina tinggal di tepi jalan keretapi, tebing sungai dan bekas tanah lombong (Mohd Razali Agus, 1981; 1992).

Pembandaran di peringkat ini adalah merupakan peringkat awal perpindahan penduduk ke bandar-bandar. Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan bandar-bandar kolonial lain menerima kemunculan setinggan bandar. Sebahagian besar petempatan yang mempunyai 10,000 atau lebih penduduk adalah terdiri daripada penduduk bukan Melayu.

v. Pembandaran Selepas Penjajahan (Merdeka) Sehingga Tahun 1990

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, negara memasuki era pengisian impian, harapan dan cita-cita negara merdeka. Penyusunan semula pentadbiran negara, perencanaan pembangunan jangka pendek dan jangka panjang, pembentukan identiti satu masyarakat Malaysia bersatu, maju dan berpengetahuan mengambil tempat utama dalam usaha kerajaan untuk memenuhi impian dan harapan negara merdeka. Maka dalam aspek pembandaran dan pembangunan negara, era ini menjadi pembuka jalan kepada program dan strategi pembangunan yang lebih komprehensif serta proses pembandaran yang lebih pesat.

Rancangan pembangunan negara, iaitu Rancangan Malaya Kedua (RM2) tahun 1961 hingga 1966 dan Rancangan malaysia Pertama (RM1) tahun 1960 hingga 1970 telah menyediakan peruntukan kewangan yang besar untuk pembangunan negara (lihat Mohd Razali Agus 1986; 1992). Manakala golongan berpendapatan rendah sebelum merdeka yang diketepikan oleh Kerajaan Kolonial Inggeris, telah mula mendapat perhatian oleh pemimpin politik dan pegawai kerajaan tempatan.

Semenjak mencapai kemerdekaan, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah untuk membangun melalui perindustrian. Proses perindustrian, terutamanya dalam bidang pembuatan semakin berkembang dan tertumpu di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971, melalui konsep "serampang dua mata", iaitu membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua (RM2), mulai tahun 1971 hingga tahun 1975,

adalah faktor pendorong penghijrahan penduduk desa ke bandar secara beramai-ramai (lihat Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1985; Chamhri Siwar dan Nor Aini Hj. Idris, 1996).

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang tempoh perlaksanaannya 20 tahun (1971-1990), adalah juga dikatakan dasar membandarkan orang Melayu selepas peristiwa berdarah 13hb Mei 1969 (Mohd Razali Agus, 1994). Orang Melayu yang tinggal di luar bandar dan bergantung hidup kepada pekerjaan menoreh getah, bertanam padi dan menangkap ikan, tidak dapat lagi bertahan dengan pekerjaan itu. Mereka menyambut baik seruan Dasar Ekonomi Baru dan berhijrah ke bandar kerana peluang-peluang pekerjaan di bandar memberi pendapatan yang lebih baik. Implikasi daripada ini, penduduk bandar bertambah dengan mendadak sehingga menimbulkan pula berbagai-bagai masalah pembandaran.

Proses pembandaran berlaku dengan pesat, terutamanya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan Georgetown, telah menimbulkan kegelisahan penduduk yang memerlukan tempat tinggal yang tetap. Fenomena "balik kampung" telah mula pupus kerana segala kemudahan sosial di bandar telah memberikan keyakinan yang kuat untuk golongan pekerja yang berasal dari kampung untuk terus menetap di bandar-bandar tersebut (Mohd Razali Agus, 1986). Untuk membolehkan mereka terus tinggal di bandar, maka mereka membina rumah-rumah setinggan. Dalam masa yang sama, pihak berkuasa tempatan mengambil sikap terbuka, malah membekalkan perkhidmatan di kawasan-kawasan setinggan seperti bekalan air, api, klinik kesihatan dan sebagainya. Keadaan ini, menjadikan perkampungan setinggan tumbuh dengan sebagainya.

epat di bandar dan pinggir-pinggir bandar (lihat Mohd Razali Agus, 1981 dan Azizah Kassim, 1985).

Gelombongan pembandaran yang ketiga mengikut Kamal Salih dan Young (1981) ialah merujuk kepada pembandaran yang berlaku selepas tahun 1970 sehingga masa kini. Mengikut Hamirdin Ithnin (1989), pembandaran zaman ni adalah dicirikan oleh ketidak seimbangan keadaan ekonomi antara penduduk luar bandar dengan penduduk bandar yang membawa kepada pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Manakala Mohd Razali Agus (1992) pula menyatakan bahawa pembandaran zaman ini adalah peringkat pembandaran yang penting di Malaysia kerana bermula daripada era inilah pihak pemerintah mengambil langkah memperbandarkan orang-orang Melayu. Dalam tahun-tahun 1970-an dan 1980-an telah memperlihatkan proses pembandaran yang pesat berlaku di Malaysia. Pertambahan penduduk bandar berlaku dengan mendadak akibat penghijrahan desa-bandar. Perumahan setinggan muncul dan tidak dapat dikawal lagi. Kemakmuran bandar dan ekonomi Malaysia bukan sahaja menjadi daya tarikan penduduk desa, tetapi juga menjadi tarikan kepada penduduk negara lain untuk berhijrah ke bandar-bandar di Malaysia, terutamanya Lembah Kelang. Pada akhir tahun 1980-an dan sehingga kini, migrasi antarabangsa terus berlaku, bagi mengusahakan kegiatan ekonomi di negara ini. Kedatangan migran asing ini menimbulkan pula pelbagai implikasi sosioekonomi, terutamanya di bandar (lihat Junipah Wandi, 1995; Azizah Kassim, 1997 dan Mohamad Salleh Lamry, 1998).

vii. **Pembandaran Mulai Tahun 1991 Sehingga Kini.**

Walaupun Dasar Ekonomi Baru (DEB) berakhir pada tahun 1990 dan rancangan pembangunan negara dilaksanakan melalui Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000), usaha-usaha pembangunan wilayah diteruskan, dengan memberi keutamaan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Wawasan 2020 dilancarkan, di mana kerajaan Malaysia menyusun langkah untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 (lihat Jurij Hj. Jalaludin, 1991).

Dalam konteks pembandaran, era ini adalah merupakan penerusan era sebelumnya. Bandar-bandar yang berkembang pesat sebelum ini menghadapi pelbagai masalah baik dari segi fizikal ataupun kependudukannya. Jadi usaha utama pentadbir bandar pada masa kini adalah untuk membaiki persekitaran perbandaran. Usaha bersungguh-sungguh dilakukan untuk menyelesaikan masalah persetingganian, membaiki infrastruktur bandar dan membangun semula kawasan-kawasan pinggir bandar dan terbiar sebagai kawasan petempatan dan pusat perdagangan.

Demi untuk membangunkan bandar dalam jangka masa yang singkat, pihak swasta diminta bekerjasama dalam usaha pembangunan bandar. Sementara itu, berbagai-bagai usaha juga diteruskan, untuk mengatasi masalah kemiskinan bandar dan menanamkan sikap positif di kalangan penghuni bandar, agar mereka dapat hidup selesa di bandar.

Dari segi pertumbuhan bandar yang dialami oleh Malaysia, ianya berkait rapat dengan pembangunan ekonomi sesuatu kawasan. Oleh sebab itu , pantai Barat Semenanjung Malaysia yang kaya dari segi ekonomi, terdapat banyak bandar. Daripada Jadual 2.3, didapati bilangan bandar bertambah daripada 67

buah pada tahun 1980 kepada 129 buah pada tahun 1991 dan tertumpu di pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Meneliti pada peringkat-peringkat perkembangan bandar dan proses pembandaran seperti yang dibincangkan, didapati prosesnya berjalan serentak dengan pembangunan Wilayah (lihat Sulong Mohamad, 1985). Pembangunan bandar ditekankan kerana adalah dipercayai bahawa bandar sebagai pusat modenisasi, dapat menarik kegiatan-kegiatan sektor moden yang lebih produktif ke kawasan-kawasan mundur. Mengikut Sulong Mohamad (1985), strategi pembangunan bandar di Malaysia dilaksanakan di dalam konteks pembangunan wilayah, iaitu Wilayah Pantai Timur, Wilayah Tengah, Wilayah Utara dan Wilayah Selatan.

i. **Wilayah Pantai Timur**

Tujuan utama ialah mewujudkan satu sistem bandar raya dan bandar yang bersepadu, dengan bandar Kuantan dijadikan sebagai wilayah pusat. Untuk tujuan ini, beberapa buah bandar sedia ada dan bandar baru telah dikenal pasti untuk dinaikkan tarafnya (melalui pembesaran saiz penduduk dan pertambahan fungsi bandar) supaya suatu masa nanti wujud satu sistem bandar yang padat di wilayah ini.

ii. **Wilayah Tengah**

Tujuan utamanya ialah untuk menyelerakkan pertumbuhan bandar dan fungsi bandar dari Lembah Kelang ke kawasan-kawasan atau bandar-bandar sekitar. Selaras dengan ini, pertumbuhan bandar akan dilaksanakan di Negeri Sembilan dan Selangor. Ini diharapkan akan dapat mengawal pertumbuhan bandar yang pesat di Lembah Kelang.

iii. Wilayah Utara

Tujuan utama ialah untuk memperkenalkan pembangunan bandar ke Kedah dan Perlis, dan dengan ini memberi peluang yang lebih banyak bagi pembangunan bandar yang berpusat, selain daripada yang terdapat di Georgetown dan Butterworth.

iv. Wilayah Selatan

Tujuan utama pembangunan bandar di wilayah ini untuk memberi keutamaan yang tinggi kepada pembangunan Johor Bharu dan juga bandar-bandar peringkat kedua seperti Batu Pahat, Muar, Kluang dan Kulai.

**Jadual 2.3 Bilangan Bandar Di Malaysia Mengikut Negeri,
Tahun 1980 Dan Tahun 1991**

Johor	11	18
Kedah	4	8
Kelantan	6	10
Melaka	2	4
Negeri Sembilan	4	5
Pahang	5	7
Perak	7	18
Perlis	1	1
Pulau Pinang	7	12
Sabah	4	9
Sarawak	4	7
Selangor	7	23
Terengganu	3	5
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1	1
Wilayah Persekutuan Labuan	1	1

Sumber: Mohd Yusof Kasim (1996), "Pembandaran dan Kemiskinan Bandar di Malaysia Ambang Abad Ke-21", Dalam Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj Idris (Peny). **Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia**, Bangi: UKM, hlm.296.

Nota: (a)- Berdasarkan definisi 1980
(b)- Berdasarkan definisi 1991

Dilihat pada proses pembandaran yang belaku di Malaysia, banyak daripada bandar di negara ini telah tumbuh semasa pemerintahan kolonial. Oleh itu, pertumbuhan bandar dalam konteks demikian membawa beberapa implikasi, seperti terdapatnya pemisahan dari segi tempat tinggal mengikut suku kaum, ada kawasan Melayu, kawasan Cina, kawasan India dan sebagainya. Pemisahan dari segi tempat tinggal ini diiringi juga dengan pemisahan dari segi kegiatan-kegiatan ekonomi. Orang-orang Melayu, kurang sekali terlibat dalam

kegiatan perniagaan yang dikuasai oleh orang-orang Cina. Semakin pesat bandar berkembang, semakin terasinglah orang-oang Melayu ke kawasan-kawasan pinggir bandar atau ke kawasan-kawasan setinggan yang sesak (Mohd Aris Hj. Othman, 1985).

Mengikut banci penduduk pada tahun 1970, bilangan orang Melayu di bandar masih lagi kecil jika dibandingkan dengan suku kaum yang lain. Walaupun terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kadar perpindahan orang-orang Melayu ke bandar telah bertambah, berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Namun, bilangan mereka di bandar masih tidak dapat menyaingi suku kaum yang lain. Jadual 2.4, adalah menunjukkan pertambahan kaum Melayu bandar sehingga tahun 1970 berbanding dengan tahun-tahun 1957 dan tahun 1947. Manakala Jadual 2.5 ditunjukkan peningkatan penduduk bandar dari tahun ke tahun.

Jadual 2.4 Peratus Penduduk Bandar Dan Luar Bandar Pada Tahun 1947, 1957 Dan 1970 Bagi Semenanjung Malaysia

	1947	1957	1970	Bandar (%)	Luar Bandar (%)	Total (%)
Melayu	7.3	92.7	11.2	88.8	14.9	85.1
Cina	31.1	68.9	44.7	55.3	47.4	52.6
India	25.8	74.2	30.6	69.4	34.7	65.3
Lain-lain	46.2	53.8	49.3	50.7	40.8	59.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1972: 13

**Jadual 2.5 Peratus Penduduk Bandar Dan Desa Pada Tahun 1980, 1985
Dan 1990 Bagi Semenanjung Malaysia**

	1980	1985	1990	1980	1985	1990
Melayu	37.4	65.8	41.3	67.1	45.6	68.3
Cina	50.6	23.9	47.2	22.7	43.7	21.5
India	11.3	9.7	10.7	9.7	10.1	9.6
Lain-lain	0.3	0.6	0.8	0.5	0.6	0.6

	1980	1985	1990	1980	1985	1990
Melayu	37.4	65.8	41.3	67.1	45.6	68.3
Cina	50.6	23.9	47.2	22.7	43.7	21.5
India	11.3	9.7	10.7	9.7	10.1	9.6
Lain-lain	0.3	0.6	0.8	0.5	0.6	0.6

Sumber: Dipetik Daripada Mohd Yusof Kasim (1996), "Pembandaran dan Kemiskinan Bandar di Malaysia Ambang Abad Ke-21". Dalam Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj Idris (Peny). **Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia**. Bangi: UKM, hlm: 295.

Selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971, ekonomi Malaysia telah mengalami pertumbuhan dan transformasi struktur yang memberansangkan. Dalam tempoh tahun 1971 hingga tahun 1990, ekonomi Malaysia tumbuh 6.7 peratus setahun. Lazimnya tingkat pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara mempunyai korelasi yang positif dengan pertumbuhan bandar dan kadar pembandaran (Mohd Yusof Kasim, 1996).

Dalam tempoh tahun-tahun 1957-1970, penduduk bandar tumbuh pada kadar 3.3 peratus setahun dan dalam tempoh tahun-tahun 1957-1990, peratusan tersebut meningkat kepada 4.9 peratus setahun. Sebahagian besar peningkatan kadar tumbuhan penduduk bandar dalam tempoh yang dinyatakan berlaku kerana pertambahan penduduk semula jadi, perluasan sempadan bandar dan faktor migrasi.

Bagi tempoh 1991-1995, kadar pertumbuhan penduduk bandar juga tinggi, iaitu melebihi 4 peratus setahun. Peratusan ini dijangka meningkat lagi menjelang abad ke-21, ekoran bertambahnya sumbangan migrasi ke bandar sejak kebelakangan ini (Mohd Yusof Kasim, 1996). Pertambahan penduduk bandar dari tahun ke tahun, dapat dilihat sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.6.

Jadual 2.6 Penduduk Bandar Di Malaysia Antara Tahun 1911-1995

1911*	1937	402	2339	17.2
1947*	3607	1301	4908	26.5
1957*	3510	2669	6279	42.5
1970	7621	2819	10439	27
1980	8670	4466	13136	34
1991	8671	8896	17567	50.6
1995	9829	10930	19959	54.8

Sumber: Mohd Yusof Kasim (1996), "Pembandaran dan Kemiskinan Bandar di Malaysia Ambang Abad Ke-21". Dalam Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj. Idris (peny). *Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*. Bangi: UKM, hlm. 293.

Nota: * Data untuk Semenanjung Malaysia sahaja.

Mengikut Mohd Yusof Kasim (1996), dua fenomena menarik berkaitan dengan proses pembandaran di Malaysia. Pertama ialah pertambahan penduduk bandar bukan sahaja berkait rapat dengan peningkatan yang ketara dalam bilangan jumlah bandar, tetapi juga dengan penumpuan penduduk bandar di pusat-pusat metropolitan (bandar yang melebihi 75,000 penduduk). Manakala

penduduk bandar di bandar-bandar kecil dan sederhana secara relatifnya semakin mengucup. Keadaan ini menggambarkan wujudnya proses penumpuan ekonomi, terutamanya aktiviti perkilangan dan perkhidmatan di bandar-bandar aman berkenaan. Fenomena ini, jika tidak ditangani boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah di bandar-bandar berkenaan.

Kedua, peningkatan yang besar dalam kadar pembandaran di kalangan etnik Melayu. Pada tahun 1980 misalnya, terdapat 1.6 juta orang (37.4 peratus) daripada penduduk bandar adalah Melayu dan bumiputra lain. Angka ini meningkat kepada hampir 3 juta orang (45.6 peratus) pada tahun 1990. Etnik Melayu dan bumiputra lain telah mula menjadi penduduk majoriti di kawasan bandar pada tahun 1990 (lihat Jadual 2.5). Dijangkakan "trend" pembandaran di alangan etnik Melayu akan semakin meningkat pada masa hadapan seiring dengan kepesatan proses transformasi struktur ekonomi dan industrialisasi serta modernisasi sektor pertanian di luar bandar yang berlaku sekarang.

Secara umumnya, proses pembandaran di Malaysia berkait rapat dengan dasar-dasar pembangunan negara yang dilaksanakan oleh pemerintah. Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah pendorong kuat pertumbuhan pembandaran dan kerindustrian negara dan menyebabkan berlakunya penghijrahan tenaga kerja desa ke bandar, terutamanya bandar raya Kuala Lumpur. Penghijrahan desa-bandar, mengikut Mohd Razali Agus (1994), didorong oleh dasar kerajaan untuk memperbandarkan orang-orang Melayu.

2.5 Proses Pembandaran Kuala Lumpur

Dari segi sejarah, Kuala Lumpur telah dibuka kira-kira pada pertengahan tahun 1850-an, sebagai sebuah petempatan kecil. Data-data sejarah tentang Kuala Lumpur terbatas kepada beberapa tulisan dan catitan pentadbir Kolonial Inggeris. Atas dasar ini, maka ramai ahli-ahli sejarah menyatakan Yap Ah Loy adalah pengasas Kuala Lumpur (Gullik, 1983; Koo Kay Kim, 1987).

Sebenarnya, perdebatan tentang siapakah pengasas Kuala Lumpur masih lagi belum selesai (lihat Carstens, 1988; Adnan Hj.Awang, 1989). Misalnya, Adnan Hj Awang (1989) menyatakan Raja Abdullah dari Kelang adalah pengasas Kuala Lumpur bukannya Yap Ah Loy. Beliau berpendapat demikian berdasarkan sumber-sumber yang dipetik dalam "Warta Malaya" iaitu surat khabar yang diterbitkan dalam tahun-tahun 1930-an, telah memaparkan wujudnya kelompok-kelompok peniaga Melayu dari Sumatera sebelum tahun 1860.

Biar apapun pendapat dan perdebatan tentang siapakah pengasas Kuala Lumpur, yang jelasnya ialah Kuala Lumpur pada ketika itu (1950-an) telah dimajukan sebagai pusat perlombongan bijih timah. Pada awal abad ke-19 telah dikesan terdapat perkampungan di sekitar pertemuan Sungai Kelang dan Sungai Gombak (DBKL, 1996). Kumpulan pertama yang datang ke Kuala Lumpur secara besar-besaran ialah pada tahun 1857 yang diketuai oleh Raja Abdullah bersama 87 orang pelombong Cina untuk meneroka dan membuka lombong bijih timah. Kumpulan ini mendarat di pengkalan berlumpur di pertemuan Sungai Kelang dan Sungai Gombak dan berjaya menemui bijih timah di Ampang (DBKL, 1996). Manakala sejarah perkembangan Kuala Lumpur boleh dikesan sejak

bermulanya aktiviti perlombongan bijih timah pada tahun 1860. Sejak bermulanya aktiviti tersebut, maka bermulalah detik-detik perkembangan serta pertumbuhan Kuala Lumpur yang pesat membangun.

Penemuan bijih timah mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan pertambahan penduduk. Dari sebuah kampung kecil ia telah berkembang menjadi sebuah pekan. Pada tahun 1857, penduduk Kuala Lumpur hanya 80 orang. Kemudian berkembang kepada 2,000 orang pada tahun 1878. Pada tahun 1884, penduduk Kuala Lumpur bertambah kepada 4,054 orang. Apabila campur tangan Inggeris bermula pada tahun 1875, masyarakat Melayu beransur-ansur tersisih dalam arus pembangunan. Mereka berpindah ke pinggir kota dengan membuka perkampungan baru di Gombak dan Kampung Baru. Kawasan ini adalah merupakan kampung-kampung Melayu yang awal sebagai petempatan pertanian (Mohd Razali Agus, 1991; 1993; Nordin Razak, 1990; Rusli Hj.Hassan, 1993). Kuala Lumpur terus berkembang sebagai sebuah bandar dalam tahun-tahun seterusnya.

Pada tahun 1880, Kuala Lumpur menjadi ibu negeri Selangor dengan hanya mempunyai penduduk kira-kira 2,000 orang sahaja (DBKL, 1996). Kedatangan residen Inggeris ke Kuala Lumpur pada tahun 1890, membawa pentadbiran baru kepada Kuala Lumpur dengan terbentuknya Lembaga Kebersihan (Sanitary Board) yang bertanggungjawab mengendalikan urusan perbandaran seperti menjaga kebersihan, pengurusan pasar, penyelenggaraan jalan raya dan longkang-longkang. Pada tahun 1891 penduduk Kuala Lumpur berkembang secara mendadak kepada 19,021 orang. Sementara itu, dalam tahun-tahun 1890-an, Kuala Lumpur berfungsi sebagai pusat perdagangan

Semenanjung Tanah Melayu. Dalam jangka masa yang sama, pertumbuhan penduduk Kuala Lumpur meningkat dengan pesatnya kepada 316,230 orang dalam tahun 1957 (Mohd Razali Agus, 1991: 2).

Dari segi luas kawasan, pada tahun 1887, luas kawasan Kuala Lumpur lebih kurang 0.25 batu persegi. Kemudian iaanya membesar sehingga 5 batu persegi pada tahun 1957. Sepanjang masa ini, Kuala Lumpur bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pentadbiran Inggeris, tetapi juga pusat kegiatan ekonomi kaum Cina. Kuala Lumpur pada masa itu ialah sebuah bandar kolonial yang diperintah oleh Inggeris dan kegiatan ekonominya dikuasai oleh kaum imigran Cina dan India. Orang-orang Melayu tempatan pula menetap di kawasan desa, melainkan golongan aristokrat Melayu yang bekerjasama dengan pentadbiran Inggeris (Mohd Razali Agus, 1991).

Semasa pemerintahan Jepun tahun 1943 Lembaga Kebersihan (Sanitary Board) dibubarkan, tetapi diwujudkan semula oleh pemerintahan Inggeris pada tahun 1946 (DBKL, 1996). Kemudian, iaanya ditukar kepada Lembaga Bandaran Kuala Lumpur. Pada tahun yang sama Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan dan pada tahun 1948 Kuala Lumpur dijadikan ibu negerinya. Berikutan dengan ini, Majlis Pembandaran diwujudkan, bagi mengganti Lembaga Kebersihan (Sanitary Board). Selepas mencapai kemerdekaan (tahun 1957), Kuala Lumpur dipilih menjadi ibu negara Malaya yang merdeka. Pesuruhjaya Ibu Kota (Commissioner of Federal Capital) ditubuhkan pada tahun 1958 bagi menggantikan Majlis Perbandaran. Seterusnya ditukar kepada Dewan Bandaraya (City Hall) berikutan dengan penganugerahan taraf bandar raya pada

1hb. Februari 1972, dengan luas kawasan perbandarannya 36 batu (93 kilometer) persegi.

Perubahan nama kepada badan yang mentadbir Kuala Lumpur dari tahun 1890 hingga 1972, adalah berikutan dengan perkembangan kawasan dan pembangunan yang dialami oleh Kuala Lumpur (DBKL, 1996). Pada tahun 1974, sempadan Kuala Lumpur diperbesarkan kepada 94 batu (243 kilometer) persegi dan dikenali sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu satu unit politik dan pentadbiran yang tersendiri dan terpisah dari negeri Selangor (Azizah Kassim, 1989). Jadual 2.7 menunjukkan peringkat-peringkat keluasan Kuala Lumpur, manakala Jadual 2.8 pula adalah perubahan-perubahan yang dialami oleh organisasi pentadbiran bandar Kuala Lumpur.

Jadual 2.7 Peringkat-Peringkat Keluasan Bandar Kuala Lumpur

1895	0.647 km persegi
1912	44.03 km persegi
1950	93.24 km persegi
1974	243.65 km persegi

Sumber : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1996), *Kuala Lumpur Dalam Sejarah*. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, hlm.6

Jadual 2.8 Perubahan-Perubahan Nama Organisasi Pentadbiran Bandar Kuala Lumpur

1890	Lembaga Kebersihan (The Sanitary Board)
1948	Lembaga Perbandaran (The Municipal Board)
1952	Majlis Perbandaran (The Municipal Council)
1960	Pesuruanjaya Ibu Kota (Commissioner of Federal Capital)
1972	Dewan Bandaraya (City Hall)

Sumber : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1996), *Kuala Lumpur Dalam Sejarah*. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, hlm.6.

Pertumbuhan penduduk Kuala Lumpur amat pesat sekali di zaman selepas merdeka (lihat Jadual 2.9). Pada tahun 1901, penduduk Kuala Lumpur berjumlah 32,381 orang sahaja. Lebih 50 tahun kemudianya iaitu pada tahun 1957 jumlah ini meningkat ke 316,230 orang. Hanya kira-kira 2 dekad berikutnya, jumlah ini bertambah menjadi lebih 1 juta orang (Azizah Kassim, 1989: 135). Pada tahun 1980, penduduk Kuala Lumpur berjumlah 987,240 orang. Tahun 1992 meningkat kepada 1.2 juta orang dan pada tahun 2020 penduduk Kuala Lumpur dijangkakan berjumlah 4.1 juta orang (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1996).

Jadual 2.9 Unjuran Penduduk Kuala Lumpur

Unjuran Penduduk Kuala Lumpur		
1857	80	0.25
1878	2,000	0.50
1884	4,000	5.00
1891	19,020	8.00
1901	32,381	17.00
1911	46,718	17.00
1921	80,424	20.00
1931	111,418	19.00
1947	175,961	36.00
1957	316,230	94.00
1970	648,276	94.00
1980	987,240	94.00
1991	1,145,075	94.00
1992	1,284,400	94.00
2020	4,103,991 (anggaran)	94.00

Sumber: Mohd Razali Agus (1991), *Pola-Pola Petempatan Masyarakat Melayu Di Kuala Lumpur*. Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya Siri Monograf, No 1, hlm.4.
 Azizah Kassim (1997)", Immigrant Labour and Urban Housing in Malaysia", *Manusia Dan Masyarakat*, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya, Siri Baru Jld.10, hlm.11

Di zaman penjajahan, ketiga-tiga kumpulan etnik di Kuala Lumpur terpisah dari segi sosioekonomi dan ruang tempat tinggal. Pada mulanya orang Melayu lebih ramai bertumpu di kawasan yang di khaskan untuk orang Melayu seperti Kampung Baru, Gombak, Datuk Keramat dan kawasan-kawasan kampung di pinggirnya. Dari segi pekerjaan, sebilangan besar daripada mereka bekerja makan gaji, terutamanya dengan kerajaan. Orang Cina pula sebahagian besarnya melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan perdagangan dan menetap di kawasan Pudu, Sungai Besi dan Kepong. Manakala orang India pula lebih banyak tertumpu di Brickfields dan Sentul dan sebilangan besar dari mereka terlibat dalam industri pengangkutan, bekerja makan gaji terutamanya dalam Jabatan Kerjaraya dan Keretapi Tanah Melayu (Azizah Kassim, 1989: 136).

Pada peringkat awal (sebelum merdeka) penduduk Melayu sangat kurang di Kuala Lumpur. Ini selaras dengan dasar pemerintahan British yang memisahkan kumpulan etnik di Malaysia ini dari segi ruang dan pekerjaan (Azizah Kassim, 1989: 136). Pentadbiran kolonial Inggeris telah mewujudkan konsep Tanah Simpanan Melayu di Kuala Lumpur. Kawasan ini masih kekal hingga sekarang dan terus mempertahankan ciri-ciri kekampungannya dan dapat dianggap sebagai kampung-kampung bandar (Mohd Razali Agus, 1991: 7). Seterusnya muncul perubahan fizikal dan perumahan kampung telah berubah dengan pesat. Namun kawasan ini masih mengekalkan beberapa ciri cara-cara hidup berkampung terutama dalam aspek kekeluargaan dan kawasan simpanan Melayu ini menyediakan perumahan yang murah kepada para pendatang Melayu dari desa.

Jadual 2.10 menunjukkan bahawa di antara tahun 1901 dan tahun 1970, kumpulan etnik yang terbesar bilangannya di Kuala Lumpur ialah etnik Cina, kedua etnik India. Tetapi sejak tahun 1970, pola komposisi penduduk Kuala Lumpur berubah sedikit. Walaupun orang Cina masih merupakan golongan majoriti dari segi bilangan dan peratus penduduk, tetapi kumpulan etnik India merosot dari segi jumlah dan peratus. Manakala orang Melayu mulai meningkat bilangan dan peratusnya sehingga melebihi orang India.

Pertambahan penduduk Melayu di Kuala Lumpur selepas tahun 1970 adalah akibat perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) mulai pada tahun 1971. Matlamat DEB untuk menyusun semula masyarakat Malaysia dari segi penempatan dan pekerjaan, secara langsung telah menggalakkan orang Melayu berpindah ke bandar. Kuala Lumpur sebagai ibu negara yang ulung-ulung sekali terlibat dalam perindustrian, yang menyediakan peluang kerja lebih banyak, telah menjadi tumpuan aliran penghijrahan ini (Azizah Kassim, 1989:136). Peningkatan jumlah orang Melayu yang tinggal di bandar pada tahun-tahun 1970-an, merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memberi peluang kepada mereka untuk terlibat dalam kegiatan ekonomi bandar. Galakan ini termasuklah menyediakan insentif kewangan dan mewujudkan peluang-peluang dalam kegiatan ekonomi dan pekerjaan di bandar. Data-data penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar menunjukkan bahawa kira-kira 68.3 peratus daripadanya, bagi tahun-tahun 1970-an, terdiri daripada orang-orang Melayu (Mohd Razali Agus, 1991:11).

Tahun-tahun 1980-an, penduduk Melayu bandar menjadi amat signifikan terutamnya di Kuala Lumpur. Perkembangan baru ini mengubah "trend" yang

lalu, di mana orang-orang Melayu terpinggir di luar bandar. Hingga tahun 1980-an, kira-kira 20 peratus daripada jumlah penduduk Melayu tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dianggarkan bahawa menjelang tahun 2000 penduduk Melayu akan meningkat menjadi 48.3 peratus daripada jumlah penduduk Kuala Lumpur (Mohd Razali Agus, 1991:11-12).

Jadual 2.10 Perkembangan Penduduk Kuala Lumpur Mengikut Kumpulan Etnik (1891-1991)

Perkembangan Penduduk Kuala Lumpur Mengikut Kumpulan Etnik (1891-1991)									
Year	Total Population	Malay (%)	Chinese (%)	Indian (%)	Other Ethnic Groups (%)	Non-Malay (%)	Non-Chinese (%)	Non-Indian (%)	Total Non-Malay Population
1891	2333	12.2	13927	73.2	2363	12.4	293	2.0	19,020
1901	3727	11.5	23181	71.5	4435	13.7	1038	3.1	32,381
1911	4226	9.0	31152	66.6	9068	19.4	2272	4.8	46,718
1921	7297	9.0	48587	60.4	20889	25.9	3651	4.5	80,424
1931	10769	9.6	67929	60.9	25342	22.7	7378	6.6	111,418
1947	21989	12.4	111693	63.4	31607	17.9	10672	6.0	175,691
1957	47615	15.0	195822	61.9	53505	16.9	19288	6.2	316,320
1970	164400	24.3	392700	57.9	112700	16.6	8000	6.2	677,800
1980	294200	28.4	580400	56.0	149300	14.4	13100*	1.3	1,036,900
1991	441747	38.6	505995	44.2	132963	11.6	64637	5.6	1,145,342

Azizah Kassim (1997), "Imigrant Labor and Urban Housing in Malaysia", *Manusia dan Masyarakat*, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Siri Baru, Jld.10, hlm.25.

Mohd Razali Agus (1991), *Pola-Pola Petempatan Masyarakat Melayu Di Kuala Lumpur*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Siri Baru Monograf, No.1, hlm.4

Nota: * Termasuk bukan warga negara

Pembandaran yang pesat dihadapi oleh bandar raya Kuala Lumpur ialah selepas pelancaran DEB. Penduduk desa yang sudah tidak dapat bertahan lagi dengan kegiatan ekonomi desa seperti pertanian dan nelayan, beramai-ramai berhijrah ke Kuala Lumpur untuk meneroka ekonomi bandar. Walaupun pelbagai masalah yang dihadapi apabila tiba di bandar, tetapi mereka terus berusaha untuk terus hidup di bandar. Akibatnya, Kuala Lumpur menghadapai tekanan penduduk yang mendadak dan dalam masa yang sama pentadbir bandar belum bersedia untuk menerima kedatangan para penghijrah. Pelbagai implikasi negatif muncul akibat tekanan penduduk ini seperti masalah kesesakan dan pencemaran alam sekitar (lihat Sham Sani, 1973), masalah sosioekonomi (lihat Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj Idris, 1996; Mohd Razali Agus dan Fashbir Noor Sidin, 1988) masalah persetinggan (lihat Azizah Kassim, 1985; Mohd Razali Agus, 1981) dan lain-lain masalah pembandaran. Lampiran 2 adalah di antara masalah dan senario semasa bandar raya Kuala Lumpur kini yang sering di paparkan oleh media. Dalam Lampiran 2 ini, dikemukakan beberapa keratan akhbar mengenai masalah yang dihadapi oleh bandar raya Kuala Lumpur seperti masalah kesesakan lalu lintas, kekotoran bandar oleh sikap penjaja, penagihan dadah, banjir kilat, masalah setinggan, kemiskinan bandar dan sebagainya.

Penghijrah adalah golongan miskin dan mereka serba kekurangan. Tempat tinggal adalah masalah asas yang dihadapi oleh mereka setiba di Kuala Lumpur. Bagi mengatasinya, mereka membina perumahan setinggan di atas tanah-tanah kosong, sama ada milik kerajaan ataupun swasta. Pihak pentadbir bandar mengambil sikap terbuka terhadap gejala persetinggan, malah memberi pula bantuan kemudahan asas kepada petempatan setinggan seperti

bekalan api dan air. Ini menyebabkan perumahan setinggan tumbuh dengan banyaknya di Kuala Lumpur. Pada tahun 1968 kira-kira 150,000 orang tinggal di perumahan setinggan, tahun 1974 sejmlah 2000,000 orang, tahun 1980 sejumlah 243,154 orang dan pada tahun 1992 sejumlah 190,899 orang (lihat Jadual 2.11). Berkurangnya penduduk yang tinggal di perumahan setinggan mulai akhir tahun-tahun 1980-an adalah hasil daripada usaha pihak berkuasa menempatkan semula mereka di perumahan awam (lihat Ismail Stapa, 1995; Zakiah Jamaludin dan Mohd Razali Agus, 1998).

Jadual 2.11 Penduduk Setinggan Di Kuala Lumpur Mengikut Etnik (1951-1992)

Penduduk Setinggan Di Kuala Lumpur Mengikut Etnik (1951-1992)									
Perkiraan	Tahun	Penduduk	Peratus	Penduduk	Peratus	Penduduk	Peratus	Penduduk	Peratus
	1951	33,.720	-	-	-	-	-	-	-
	1966	139,697	30.0	28,553	20.4	94057	67.2	17355	12.4
	1968	150,000	32.0	30,600	20.4	10800	67.2	18600	12.4
	1973	174,000	35.0	43,500	25.0	112230	64.5	18270	10.5
	1974	200,000	25.0	90,000	45.0	90,000	45.0	20,000	10.0
	1976	153,000	25.0	42,730	41.0	68,850	45.0	21,420	14.0
	1977	175,360	28.0	76,983	43.9	78,035	44.5	20341	11.6
	1978-80	243,154	25.0	81,614	32.9	128,282	52.2	39184	14.9
	1992	190,899	16.7	65,364	34.2	85023	44.5	40,512	21.2

Sumber: Azizah Kassim (1997), "Immigrant Labor and Urban Housing in Malaysia", *Manusia dan Masyarakat*, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, hlm:26.

Seperti bandar-bandar lain di dunia, Kuala Lumpur juga mempunyai ciri-ciri pembandaran yang tersendiri. Ciri yang paling utama ialah terbangunnya bangunan-bangunan yang besar dan pembinaan kawasan-kawasan kediaman, perniagaan dan perkhidmatan. Untuk membolehkan pembangunan seperti ini berlaku, maka kawasan-kawasan baru perlu diterokai, sama ada dengan merobohkan bangunan-bangunan lama dan digantikan dengan yang baru atau menebang-nebas kawasan-kawasan yang belum dibangunkan agar pembinaan bangunan-bangunan serta infrastruktur-infrastruktur baru dapat dijalankan (Hamirudin Ithnin, 1989:96).

Kuala Lumpur yang seperti mana hari ini, telah melalui pembangunan yang amat pesat sepanjang sejarahnya. Ia bukan sahaja sekadar ibu negara Malaysia, tetapi juga merupakan pusat perniagaan di rantau ASEAN, tempat membeli belah yang setanding dengan Singapura dan Hong Kong dan juga merupakan pintu masuk kepada semua perhubungan antarabangsa. Bandar raya Kuala Lumpur tidak sahaja mengalami pertumbuhan dari segi pembangunan fizikal, tetapi juga dari segi aktiviti tidak formal dan petempatan tidak terancang. Sebagaimana juga bandar-bandar lain di negara membangun, Bandar raya Kuala Lumpur juga menghadapi pelbagai permasalahan akibat proses pembandaran yang begitu pesat. Masalah sosioekonomi agak membimbangkan seperti masalah perumahan, setinggan, kesesakan, kadar kemiskinan, pengangguran, pengangkutan awam, pencemaran alam sekitar dan kemudahan awam. Proses pembandaran Kuala Lumpur dan pemodenan meninggalkan banyak kesan dan pengaruh ke atas aspek-aspek sosiobudaya seperti yang melibatkan masalah krisis nilai, kemiskinan, keruntuhan akhlak,

jenayah, dikriminasi, tekanan psikologi dan lain-lain (lihat Wan Abdul Kadir Yusoff, 1992; Yaacob Harun, 1993; Wan Sulaiman Wan Ibrahim, 1994; Ismail Stapa, 1995). Ia juga telah meningkatkan masalah dan cabaran hidup yang dialami oleh masyarakat bandar, terutama sekali di kalangan kaum belia, kaum pekerja dan lain-lain kelompok sosial yang mundur. Di kalangan perancang dan pentadbir bandar raya Kuala Lumpur, pembandaran dan pembangunan Kuala Lumpur telah menimbulkan lebih banyak keperluan untuk merancang dan mentadbir bandar dengan lebih cekap, berkesan dan menguntungkan. Misalnya dari segi pembangunan fizikal, kegiatan ekonomi, penggunaan ruang, kemudahan awam, kebajikan sosial, guna tenaga, perumahan dan sebagainya (lihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1984).

2.6 Kemiskinan Bandar

Kemiskinan ditafsirkan dalam dua bentuk iaitu "kemiskinan mutlak" dan "kemiskinan relatif". Kemiskinan mutlak didefinisikan sebagai satu tahap pendapatan yang berada di bawah garis kemiskinan. Garis kemiskinan pula ialah satu tahap pendapatan yang minimum yang diperlukan untuk sekadar memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Ini bermakna individu dalam kategori kemiskinan mutlak berada di bawah garis kemiskinan. Dia disifatkan sebagai individu yang benar-benar miskin dan serba kekurangan daripada segi mencapai keperluan asas.

Kemiskinan relatif pula mempunyai makna yang longgar dan dilihat daripada konteks garis kemiskinan. Ia didefinisikan dengan cara membandingkan tahap pendapatan antara dua individu, walaupun berada di

atas garis kemiskinan. Sebuah keluarga atau seorang individu dikatakan miskin secara relatif daripada keluarga atau individu lain apabila mengambil kira jumlah pendapatan dan cara mana setiap keluarga atau individu itu memperolehi sumber dan keperluan hidup, untuk mencapai satu tahap yang dikatakan sejahtera. Kemiskinan relatif dianggap satu tafsiran yang subjektif dan ia bergantung kepada berbagai-bagai faktor sosial dalam sesebuah masyarakat, selain daripada pendapatan perkapita (Maimunah Ismail, 1990: 7).


Pengangguran, kemiskinan dan pendapatan perkapita mempunyai hubungan dalam berbagai corak. Jika pendapatan perkapita menurun, kemiskinan mutlak pula susah dikurangkan. Begitu juga dengan pengangguran. Jika ramai individu yang tidak bekerja, pendapatan perkapita juga akan menurun. Hubungan yang terus antara pendapatan perkapita dengan jumlah penduduk dalam sesebuah masyarakat ialah taburan pendapatan. Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan, ialah kemiskinan akan dapat diatasi apabila berlakunya pertumbuhan ekonomi yang disertai dengan taburan pendapatan yang agak sama rata. Ini dinamakan kesaksamaan daripada segi pengagihan pendapatan. Tetapi apa yang berlaku di kebanyakan negara yang sedang membangun ialah keadaan sebaliknya, iaitu perindustrian dan pertumbuhan ekonomi telah memberi manfaat secara tidak seimbang, yang mana sejumlah peratus kecil penduduk mendapat pendapatan yang sangat lumayan, sedangkan majoritinya masih berada hampir atau di bawah garis kemiskinan (Maimunah Ismail, 1990:7).

Konsep kemiskinan mengikut perspektif islam mengandungi dua pengertian. Kemiskinan kebendaan dan kemiskinan kejiwaan (kerohanian).

Kemiskinan atau kefakiran kebendaan merujuk kepada keadaan ketidakcukupan. Individu yang berada dalam keadaan tidak cukup, digolongkan sebagai miskin atau fakir. Manakala kemiskinan kejiwaan (kerohanian) ialah merujuk kepada jiwa yang kosong. Jiwa yang kosong itulah yang miskin. Hanya orang yang mempunyai jiwa yang kosong/miskin inilah yang mudah terdedah kepada bermacam-macam bahaya. Miskin jiwa mempunyai kesan yang lebih merbahaya daripada miskin harta (Surtahman Kastin Hasan, 1996:70-71).

Kemiskinan yang menjadi fokus di merata dunia sekarang ialah kemiskinan kebendaan, sama ada iaanya dilihat sebagai "miskin mutlak", "miskin relatif" ataupun "termiskin". Kebendaaan adalah merupakan keperluan untuk kehidupan. Ia juga sebagai pengukur taraf kehidupan individu, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambarajah 2.3.

Gambarajah 2.3 Hubungan Antara Golongan Miskin Dengan Keperluan Hidup



Sumber : Surtahman Kastin Hasan (1996). "Kemiskinan dan Pembasmian Kemiskinan Mengikut Perspektif Islam". Dalam Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj Idris (Peny), **Kemiskinan Dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia**. Bangi: UKM. m.s.71.

Fenomena kemiskinan ialah sesuatu yang lazim dalam kehidupan manusia. Suatu lumrah alam. Gejala sosioekonomi ini, bukan sahaja dihadapi oleh negara mundur seperti kebanyakan negara di Afrika, tetapi juga di negara kaya dan maju seperti Amerika Syarikat. Masalah kemiskinan adalah sesuatu yang relatif serta berbeza mengikut masa dan tempat. Mungkin orang yang miskin pada zaman ini akan dipandang kaya pada zaman lampau. Begitu juga orang yang dipandang kaya di India, mungkin dianggap miskin pada pandangan taraf hidup di Amerika Syarikat. Keadaan ini bergantung kepada keperluan manusia yang berbeza antara masa dan tempat (Surtahman Kastin Hasan, 1996: 77).

Kemiskinan bandar ditemui di mana-mana sahaja di dunia ini, termasuk di negara maju. Malah di Amerika Syarikat pun misalnya, didapati semua kawasan metropolitan atau bandar utamanya mempunyai bilangan penduduk termiskin yang besar. Fenomena yang sama turut wujud di kebanyakan negara sedang membangun. Di Malaysia, sungguhpun kemiskinan bandar pada masa ini bukan lagi menjadi masalah yang serius, namun kepesatan proses pembandaran dan transformasi struktur ekonomi yang diterajui oleh sektor perindustrian sejak kebelakangan ini, dijangka akan menimbulkan pelbagai masalah kepada warga kota dan pihak pengurusan bandar pada masa hadapan, jika langkah yang sesuai lagi proaktif tidak dilaksanakan (Mohd Yusof Kasim, 1996: 292).

Masalah kemiskinan bandar sangat kompleks dan selari dengan keragaman dalam sosioekonomi dan sosiobudaya yang membentuk komuniti bandar. Persoalan kemiskinan bandar tidak hanya berkaitan dengan kehidupan di bandar, khususnya masalah orang miskin bandar, namun melibatkan pula kawasan luar bandar, kerana majoriti orang miskin bandar adalah penghijrah (Mohd Razali Agus dan Fashbir Noor Sidin, 1998). Mereka ini miskin di desa. Berhijrah kebandar untuk membebaskan diri dari belenggu kemiskinan di desa, dengan meneroka ekonomi bandar (Chamhuri Siwar, 1998). Lantaran mereka kekurangan dari segi kemahiran dan taraf pendidikan yang rendah, tenaga mereka tidak dapat diserap oleh sektor formal. Oleh itu, mereka terpaksa mengusahakan sektor informal untuk terus menetap di bandar yang mana pendapatan mereka secara umumnya rendah (lihat Mohd Taib Dora dan Mohd Razali Agus, 1998).

Dalam menganalisis kemiskinan bandar, Chamhuri Siwar (1998: 34) menegaskan bahawa fenomena "kemiskinan pembandaran" yang wujud merupakan kesinambungan daripada fenomena kemiskinan desa, yang dipindahkan melalui penghijrahan. Oleh itu, isu dan masalah kemiskinan bandar dijangka menjadi semakin serius dengan pesatnya proses pembandaran dan pertumbuhan penduduk bandar. Penduduk bandar menjangkau 53 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 1993 dan dijangka akan melebihi 60 peratus pada tahun 2000. Sebahagian daripada pertumbuhan penduduk bandar disumbangkan melalui proses migrasi desa-bandar dan migrasi antarabangsa, yang memusatkan proses "pembandaran kemiskinan" melalui penghijrahan (Chamhuri Siwar, 1998: 13).

Pertumbuhan penduduk bandar yang pesat, kekurangan peluang pekerjaan, saiz keluarga yang besar dan kurang pendidikan serta kemahiran adalah di antara faktor-faktor yang meyumbangkan kepada kemiskinan bandar (lihat Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj Idris, 1996; Chamhuri Siwar, 1998). Ahli-ahli sains sosial dan para pengkaji bandar melihat kemiskinan bandar berlaku melalui berbagai-bagai pendekatan. Misalnya Mohd. Talib Dora dan Mohd Razali Agus (1998) melihat kemiskinan bandar sebagai akibat daripada "peminggiran sosial". Tanpa menerima maklumat dan mengetahui tentang bentuk bantuan yang disediakan oleh pemerintah, keluarga miskin ini terus kekal terpinggir daripada memperolehi maklumat dan pelbagai bentuk bantuan dan pembangunan, malah mereka juga turut terpinggir daripada sistem sosial dan ekonomi bandar, terutama dalam aspek pekerjaan.

Dimensi kemiskinan bandar dapat dilihat dalam beberapa aspek, yang merupakan ciri-ciri utama kemiskinan bandar. Chamhuri Siwar (1988) dan Nor Aini Hj.Idris (1996, 1988) memperkatakan kemiskinan bandar yang berhubungkait dengan bidang pekerjaan. Bentuk pekerjaan mempengaruhi status sosioekonomi keluarga. Penduduk bandar miskin kerana mereka bekerja dalam sektor informal yang mana kadar upahnya agak rendah berbanding dengan orang-orang yang telibat dalam sektor formal. Didapati juga kadar pengangguran tinggi di kalangan penduduk miskin bandar. Mereka tidak mempunyai pekerjaan tetap dan ada yang mencari makan di tempat buangan sampah, mengemis dan sebagainya, semata-mata untuk meneruskan penghidupan di bandar (lihat Rodgers, 1989). Kemiskinan tidak membolehkan seseorang memiliki keperluan asas seperti pakaian, tempat tinggal, makanan dan lain-lain dengan kadar yang selesa. Mengikut teori ekonomi, masyarakat miskin, sebahagian besar pendapatan mereka dibelanjakan ke atas keperluan makanan. Ini bererti keadaan kesejahteraan sosial lain adalah terbatas, misalnya keadaan rumah yang usang dan tidak menyenangkan pandangan umum (Nik Hashim Mustapha, 1996:87). Manakala di bandar mereka tinggal di petempatan setinggan, perumahan awam yang disediakan oleh pemerintah dan juga di kampung-kampung tradisional (lihat Mohd Taib Dora dan Mohd Razali Agus, 1998; Ismail Stapa, 1995).

Di Malaysia, kadar kemiskinan telah mengalami pengurangan yang ketara. Kemiskinan di Malaysia umumnya lebih berkait dengan aspek etnik dan strata, iaitu antara bandar dan luar bandar dan juga antara wilayah atau negeri. Walaupun kemiskinan di Malaysia banyak berlaku di luar bandar, namun soal

kemiskinan bandar juga agak serius dengan semakin meningkatnya bilangan isirumah miskin bandar sebagai peratus daripada jumlah isirumah miskin (Chamhuri Siwar, 1998:4). Kemiskinan bandar di Malaysia dialami oleh semua etnik dan rata-rata mereka yang miskin mempunyai taraf pelajaran yang rendah, kurang kemahiran, saiz keluarga besar dan tinggal di perumahan setinggan dan perumahan awam (lihat Mohd Yusof Kassim 1996). Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.12, pada tahun 1970 peratus penduduk bandar miskin daripada jumlah isirumah miskin adalah 10.8 peratus sahaja. Tetapi ia telah meningkat kepada 17.3 peratus pada tahun 1990 dan dijangka akan terus meningkat kepada 30.3 peratus pada tahun 2000.

Jadual 2.12 Kemiskinan Di Semenanjung Malaysia Mengikut Strata Bandar Dan Luar Bandar Tahun 1970, 1976, 1984, 1987, 1990 Dan 2000

Kemiskinan Di Semenanjung Malaysia Mengikut Strata Bandar Dan Luar Bandar Tahun 1970, 1976, 1984, 1987, 1990 Dan 2000						
Bandar						
Bilangan isirumah miskin(000)	85.9	94.4	81.3	82.6	77.5	69.8
Kadar kemiskinan	21.3	17.8	8.2	8.1	7.3	3.0
% daripada jumlah isirumah miskin	10.8	12.4	16.8	17.0	17.3	30.3
Luar Bandar						
Bilangan isirumah miskin(000)	705.9	764.4	483.3	485.8	371.4	160.2
Kadar kemiskinan	58.7	47.8	24.7	22.4	19.3	8.0
% daripada jumlah isirumah miskin	89.2	87.6	83.2	83.0	82.7	69.7
Semenanjung Malaysia						
Bilangan isirumah miskin(000)	79.18	764.4	483.3	485.8	448.9	230.0
Kadar kemiskinan	49.3	39.6	18.4	17.3	15.0	5.3

Sumber: Chamhuri Siwar (1998). "Kemiskinan Bandar Dan Sektor Tak Formal". Dalam Mohd Razali Agus dan Fashbir Noor Sidin (Peny), *Pembangunan Sosial Dan Ekonomi Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Unirversiti Malaya, m.s.15.

Nota: * nilai yang dijangkakan

Gejala kemiskinan amat merbahaya kepada kehidupan manusia. Kemiskinan kebendaan boleh menjerumuskan seseorang itu kepada kerosakan akidah, pelanggaran etika dan akhlak, kelalaian dan gangguan fikiran, kerosakan kekeluargaan, masyarakat dan negara. Bahaya kemiskinan terhadap akidah boleh terjadi bila mereka yang mlarat serta miskin sanggup menjual agamanya (akidah) untuk mendapatkan sesuap nasi. Kemiskinan juga boleh menyebabkan fikiran manusia terganggu. Bila manusia dibebani oleh masalah kemiskinan yang semakin meruncing, hatinya tidak lagi menjadi tenteram. Setiap masa dia akan berfikir dan berusaha untuk mengeluarkan diri dan keluarganya dari kemiskinan. Orang miskin yang hidup dalam lingkungan orang kaya akan merasa putus asa serta kecewa, lalu bertindak di luar batasan etika dan akhlak. Walaupun kesan langsung kemiskinan kebendaan adalah ke atas keduniaan, namun sebahagiannya terus mengalir sehingga ke akhirat (Surtahman Kastin Hasan, 1996:75-76). Selain daripada itu, kemiskinan juga memberi kesan kepada alam sekitar. Gejala persetingganan misalnya, mewujudkan persekitaran yang kotor, pencemaran sungai, udara dan sebagainya (lihat Nik Hashim Mustapha, 1996; Tan Siew Heok dan Chamhuri Siwar, 1996).

Menyedari betapa bahayanya gejala kemiskinan, rata-rata pemerintah di negara-negara Dunia Ketiga menyusun langkah, mengatur strategi melalui program jangka panjang dan jangka pendek untuk membasmikan kemiskinan sama ada di bandar ataupun luar bandar. Di Malaysia, agak kurang dasar dan program kebangsaan yang khusus bagi pembasmian kemiskinan bandar. Walaupun demikian, secara umumnya strategi pembasmian kemiskinan bandar di negara ini dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama

(RRJPI) tahun 1971 hingga tahun 1990 terbahagi kepada dua komponen utama, iaitu pengwujudan peluang pekerjaan dan peningkatan taraf hidup. Pada masa ini dan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) mulai tahun 1991 hingga tahun 2000, dasar pembasmian kemiskinan RRJP1 dikekalkan dengan beberapa perubahan teras dan penekanan. Penumpuan kini diberi kepada golongan "termiskin" dan kemiskinan relatif (Mohd Yusof Kasim, 1996:303). Oleh itu, rancangan kerajaan Malaysia bagi mengurangkan kemiskinan di bandar diteruskan dengan melaksanakan tiga strategi utama seperti berikut:-

- i) Mengadakan kemudahan perumahan, fizikal dan sosial.
- ii) Menyediakan peluang peningkatan pendapatan dan pekerjaan.
- iii) Mempertingkat keupayaan pusat bandar untuk memenuhi kehendak penduduk bandar supaya lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan dan kemudahan perkhidmatan bandar yang mencukupi disediakan.

Mengikut Mohd Yusof Kasim (1996), dasar pembasmian kemiskinan bandar di Malaysia adalah terlalu umum. Tiada strategi ekonomi yang disasarkan terus kepada golongan miskin dan termiskin di kawasan bandar. Kecuali program NADI di Kuala Lumpur (lihat Mohd Razali Agus, 1992:57-66). Kebanyakan bandar di Malaysia terutamanya bandar yang bersaiz kecil dan sederhana, tidak mempunyai strategi dan program khusus untuk membasmikan kemiskinan di kawasan masing-masing. Walau bagaimanapun menyedari kepentingan memupuk perpaduan negara melalui strategi pembasmian kemiskinan, sama ada kemiskinan mutlak, maupun kemiskinan relatif, maka

erajaan Malaysia telah dan akan terus menyediakan peruntukan perbelanjaan pembangunan awam dan menggubal langkah fizikal yang berbentuk galakan kepada sektor swasta untuk sama-sama berusaha membasmi dan seterusnya meningkat kesejahteraan ekonomi dan sosial penduduk (Md Zyadi Md. Tahir, 1996).

Di kebanyakan negara Dunia Ketiga, keadaan dan masalah kemiskinan ada ada di bandar atau luar bandar telah mendapat perhatian oleh banyak pihak. Berbagai-bagai analisis telah dilakukan untuk mengenalpasti punca masalah tersebut, merumuskan strategi dan melaksanakan program-program mengatasinya. Ada pihak yang menunjukkan bahawa masalah ini disebabkan oleh proses penjajahan dan neo-kolonialisme yang membelanggu negara Dunia Ketiga dan ada pula golongan yang berpendapat bahawa masalah ini adalah berpunca dari latar belakang penduduk, sosiobudaya dan ekonomi yang berasal dari keadaan-keadaan yang wujud dalam negara Dunia Ketiga itu sendiri seperti taraf pelajaran yang rendah, kadar buta huruf yang tinggi, sikap penduduk terhadap pemodenan, kekurangan modal, teknologi dan kepakaran dalam negeri. Selain daripada itu, tidak kurang pula pendapat-pendapat yang meletakkan masalah kemiskinan ini kepada sebab-sebab sosiobudaya dan psikologi penduduk. Semua pendapat ini mempunyai hujah-hujah yang tersendiri, tetapi satu hakikat yang nyata dan harus disedari bahawa fenomena kemiskinan di Dunia Ketiga bukanlah semata-mata merupakan masalah atau isu ekonomi, tetapi mempunyai saling perkaitan yang begitu erat dengan aspek-aspek lain seperti politik, sosial dan budaya. Oleh itu, adalah tidak mungkin dapat diselesaikan masalah kemiskinan di Dunia Ketiga dengan hanya

memperhitungkan angkubah-angkubah ekonomi semata-mata, tanpa merujuk kepada anasir-anasir kependudukan, sosial dan budayanya sekaligus.

2.7 Rumusan

Pembandaran adalah satu proses perkembangan bandar, yang melibatkan pembangunan fizikal, pertambahan penduduk dan perubahan sosial. Pembandaran sukar dielakkan, malah ia perlu berlaku untuk membolehkan peningkatan kegiatan manusia, kerana semakin bertambah penduduk bagi satu-satu kawasan, maka semakin bertambahlah permintaan kepada keperluan dan perkhidmatan yang tertentu dan dengan itu pembangunan terpaksa diusahakan untuk memenuhi permintaan. Proses pembandaran menjadi satu usaha manusia untuk memakmurkan alam ini, tetapi yang menjadi masalah ialah apabila manusia bertindak mengikut nafsunya dalam menjalankan berbagai-bagai aktiviti.

Kehidupan di bandar-bandar besar amat berbeza dengan kehidupan di desa, walaupun ada benarnya dalam pernyataan, bahawa migran desa meneruskan gaya hidup desa mereka di bandar. Negara-negara Dunia Ketiga mengalami proses pembandaran yang pesat terutamanya selepas mencapai kemerdekaan, sebagai akibat daripada penghijrahan penduduk desa, untuk membebaskan diri dan keluarga dari belenggu kemiskinan dengan meneroka ekonomi bandar yang lebih menguntungkan berbanding dengan ekonomi desa. Penghijrahan penduduk desa ke bandar secara beramai-ramai menyebabkan bandar mengalami tekanan penduduk. Ramai di kalangan penghijrah tidak memperolehi peluang-peluang pekerjaan yang baik, terutamanya di sektor

formal. Jadi, untuk terus hidup di bandar mereka terpaksa mengusahakan kerja-kerja di sektor informal. Di Malaysia, pembandaran pesat berlaku selepas pelancaran DEB, terutamanya orang-orang Melayu. Para pengkaji bandar berpendapat bahawa penghijrahan penduduk desa ke bandar berlaku kerana faktor-faktor menolak di desa dan faktor-faktor menarik di bandar.

Tempoh dua dekad perlaksanaan DEB merupakan masa pertumbuhan dan perubahan yang pesat ke atas bandar raya Kuala Lumpur. Jumlah penduduk meningkat dua kali ganda dan kelompok dominan telah berubah dari etnik Cina kepada etnik Melayu. Penerusan pola-pola penempatan etnik yang ketara akan terus berkembang, selaras dengan perkembangan penduduk dan sejarah memainkan peranan penting dalam pembangunan bandar raya Kuala Lumpur. Munculnya Kuala Lumpur secara tidak terancang dan di sepanjang sejarahnya, ia juga sentiasa didatangani oleh penghijrah-penghijrah dari luar. Dengan latar belakang demikian, tidak hairanlah jika bandar ini terus-menerus menghadapi pelbagai masalah dalam berbagai aspek. Oleh itu, telah timbul kesedaran baru untuk melaksanakan rancangan pembangunan bandar yang seimbang, yang bertujuan untuk memastikan terdapatnya pengagihan yang lebih saksama dari segi pendapatan dan peluang-peluang pekerjaan, di samping pemberian taraf kehidupan bagi melahirkan sebuah masyarakat bandar yang bersatu dan selesa.

Secara umumnya, kemiskinan bandar dijangka menjadi fenomena yang kian meruncing, akibat penghijrahan desa-bandar dan juga proses pemunggiran, ekoran pesatnya pembangunan perindustrian dan pembandaran. Pemerintah berusaha bersungguh-sungguh untuk membasmi kemiskinan, lebih-lebih lagi

dalam menghadapi negara maju menjelang 2020. Walaupun begitu, terdapat juga segelintir kelompok sasaran yang diketepikan atau tidak dipedulikan oleh agensi pelaksana. Pelaksanaan program pembasmian kemiskinan, melibatkan pembiayaan awam yang besar dan diharapkan memberi sumbangan yang positif kepada pertumbuhan ekonomi dan pengurangan kadar kemiskinan.

Bandar memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Bagi Dunia Ketiga, peranan bandar dalam pembangunan negara harus dipergunakan seluasnya. Bandar sebagai pusat tumpuan kegiatan ekonomi moden harus membuka peluang seluas-luasnya, kepada penduduk bandar dan desa untuk menyertai kegiatan-kegiatan tersebut. Manakala untuk memainkan peranan tersebut, bandar seharusnya berupaya menyediakan peluang pekerjaan, kemudahan-kemudahan asas yang cukup serta persekitaran yang sihat. Kebanyakan bandar di Dunia Ketiga tidak berupaya, kerana tumpuan penduduk yang keterlaluan dan pertumbuhan bandar tidak dirancang. Akibat ketidakupayaan itu, timbulah pelbagai masalah sosial dan fizikal bandar. Berbagai-bagai isu dan masalah pembandaran telah dibincangkan. Di satu pihak, kehidupan bandar menunjukkan aspek-aspek negatif seperti kemiskinan, kesesakan, pemisahan etnik, konflik nilai, alam sekitar yang tercemar dan sebagainya. Di satu pihak yang lain pula, kehidupan bandar melambangkan kemajuan, keselesaan dan kemewahan, iaitu aspek-aspek positif dalam pembangunan sosioekonomi negara.

Bandar-bandar di Malaysia khususnya Kuala Lumpur, telah dan sedang mengalami proses pembandaran yang pesat, sejak negara mencapai kemerdekaan. Ekonomi bandar di Malaysia terutamanya Kuala Lumpur juga telah banyak berubah maju. Ekonomi tradisi (ekonomi peringkat pertama) yang menjadi asas perkembangan dan pembangunan Kuala Lumpur telah bertukar kepada ekonomi moden, akibat daripada perubahan masa dan proses modernisasi yang dialami oleh Kuala Lumpur. Perubahan ekonomi Kuala Lumpur paling ketara sekali ialah sejak tiga dekad yang lalu. Perkara ini akan dibincangkan dalam bab-bab seterusnya. Juga, pengkaji akan memaparkan apakah yang mendasari pembangunan ekonomi bandar raya Kuala Lumpur kini, setelah dikatakan ianya telah banyak berubah maju.